



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI SEMBILAN

SIRI 3



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

**AKTIVITI JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI SEMBILAN**

SIRI 3



KANDUNGAN

KANDUNGAN

vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
	MAJLIS PERBANDARAN NILAI MAJLIS DAERAH TAMPIN
3	Pengurusan Pelesenan Premis Perniagaan
	YAYASAN NEGERI SEMBILAN
21	Pengurusan Perolehan
	MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN PERBADANAN WAKAF NEGERI SEMBILAN SDN. BHD.
35	Pengurusan Hartanah Wakaf
	PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
49	Negeri Roadstone Sdn. Bhd.
65	PENUTUP




KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.
2. Jabatan Audit Negara akan terus menyokong Dasar Transformasi Negara dan terus membantu Jabatan/Agensi Kerajaan melakukan penambahbaikan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan memberikan pandangan serta syor melalui pengauditan yang dijalankan. Ke arah itu, satu lagi inisiatif di bawah GTP 2.0 telah dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara iaitu mewujudkan paparan "*AG's Dashboard*" yang memaparkan status terkini tindakan yang telah diambil oleh pihak Auditi terhadap isu-isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara termasuk syor-syor yang dikemukakan sebaik sahaja Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Paparan sedemikian yang boleh diakses oleh semua pihak dapat memberi gambaran sejauh mana tindakan pembetulan atau penambahbaikan telah diambil oleh Jabatan/Agensi pada satu-satu masa.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 4 Agensi Kerajaan Negeri Sembilan dan 2 Syarikat Kerajaan Negeri. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan dan Agensi juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum Laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Menteri Besar/Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 10 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi berkenaan.
4. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2014 Siri 3 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepertimana dihasratkan oleh Kerajaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
13 Oktober 2015



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

1. MAJLIS PERBANDARAN NILAI

MAJLIS DAERAH TAMPIN

- Pengurusan Pelesenan Premis Perniagaan

1.1. Aktiviti pengurusan pelesenan terhadap premis perniagaan adalah merupakan salah satu fungsi Pihak Berkuasa Tempatan berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998 serta Undang-undang Kecil yang diwujudkan. Matlamat aktiviti pelesenan adalah untuk memastikan setiap jenis perniagaan dilesenkan dan mematuhi syarat yang ditetapkan terutama daripada segi keselamatan, ketenteraman dan kebersihan. Manakala matlamat aktiviti penguatkuasaan pula adalah untuk memastikan aktiviti perniagaan mempunyai lesen yang sah dan mematuhi syarat yang ditetapkan dan mengeluarkan amaran atau kompaun apabila berlaku pelanggaran syarat yang ditetapkan.

1.2. Pengurusan pelesenan dan penguatkuasaan di Majlis Perbandaran Nilai (MPN) adalah masing-masing di bawah tanggungjawab Jabatan Pelesenan Dan Pembersihan dan Jabatan Penguatkuasaan Dan Undang-undang. Manakala bagi Majlis Daerah Tampin (MDT) adalah di bawah tanggungjawab Bahagian Pelesenan Dan Kesihatan Persekitaran, Bahagian Penguatkuasaan Dan Keselamatan serta Bahagian Undang-undang. Bilangan pemegang lesen bagi tahun 2014 di MPN dan MDT adalah masing-masing sebanyak 6,263 dan 2,413. Manakala di MPN dan MDT pula bagi tahun 2012 hingga 2014 jumlah hasil yang dikutip pula masing-masing berjumlah RM7.85 juta dan RM2.65 juta.

1.3. Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Jun 2015 mendapati pengurusan pelesenan di MPN dan MDT adalah baik daripada segi prestasi pengeluaran lesen dan kutipan hasil. Bagaimanapun, daripada segi pelaksanaan proses pengeluaran lesen dan penguatkuasaan adalah kurang memuaskan. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Proses permohonan lesen melebihi tempoh ditetapkan.
- Pengeluaran lesen sementara di MPN tidak mematuhi tempoh ditetapkan.
- Bayaran lesen dijelaskan melebihi tempoh yang ditetapkan.
- Terdapat perniagaan beroperasi tanpa lesen dan penggunaan lesen sementara dalam tempoh yang lama.
- Penguatkuasaan dan prestasi penyelesaian kompaun kurang memuaskan.
- Penyimpanan dan pelupusan patil, pelekat lesen dan borang permohonan lesen tidak mengikut peraturan ditetapkan di MDT.

1.4. Bagi menambah baik pengurusan pelesenan premis perniagaan, adalah disyorkan Majlis Perbandaran Nilai dan Majlis Daerah Tampin mengambil tindakan berikut:

1.4.1. Mematuhi dan mengguna pakai sepenuhnya garis panduan dan piagam pelanggan berkaitan pengeluaran lesen perniagaan. Selain itu, syarat kelulusan lesen sementara perlu disemak semula bagi memastikan semua perniagaan mematuhi syarat lulus lesen.

1.4.2. Melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan secara bersepadu bagi memastikan syarat-syarat lesen dipatuhi dan peniaga mempunyai lesen premis perniagaan yang sah.

1.4.3. Majlis Daerah Tampin hendaklah memastikan patil, pelekat lesen dan borang permohonan lesen premis perniagaan disimpan di tempat yang selamat dan pelupusan patil, pelekat lesen dan borang permohonan lesen dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan.

2. YAYASAN NEGERI SEMBILAN

- Pengurusan Perolehan

2.1. Yayasan Negeri Sembilan (YNS) telah ditubuhkan di bawah Enakmen Yayasan Negeri Sembilan No. 6 pada tahun 1979 dan mula beroperasi pada 1 Januari 1980. Objektif utama penubuhan YNS adalah memberi bantuan pendidikan dalam bentuk pinjaman kewangan kepada para pelajar yang melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan institusi pengajian yang diiktiraf oleh Kerajaan termasuk di luar Negara.. YNS juga bertanggungjawab menguruskan pungutan bayaran balik pinjaman tersebut. Selain pendidikan, YNS turut memberi sumbangan kepada pertubuhan atau badan-badan untuk maksud khairat, saintifik, perubatan, kebajikan, kemasyarakatan, pendidikan serta bantuan akibat malapetaka seperti banjir dan kebakaran. YNS juga bergiat dalam pembangunan hartanah, penyewaan ruang pejabat, pelaburan saham, perkilangan, perdagangan (*trading*), pertanian dan perniagaan pendidikan. Pada tahun 2012 hingga 2014, YNS telah melaksanakan 147 perolehan kerja, perkhidmatan dan bekalan melibatkan perbelanjaan berjumlah RM4.94 juta.

2.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Jun 2015 mendapati pada keseluruhannya pengurusan perolehan YNS adalah baik di mana 77.1% perolehan telah dibuat mengikut peraturan yang berkuat kuasa. Selain itu, pelaksanaan projek bagi tempoh 2012 hingga 2014 juga berjaya disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang ditemui berikut:

- Kontrak formal bagi perolehan perkhidmatan bermasa tidak lengkap.
- Bon Pelaksanaan tidak dikutip bagi kontrak bermasa bernilai lebih RM200,000.
- Kontrak bermasa dilanjutkan melebihi tempoh.

- Ketidapatuhan terhadap beberapa peraturan kewangan berhubung dengan tatacara perolehan antaranya perolehan kerja dibuat tanpa Inden Kerja/Pesanan Tempatan dan pembayaran dibuat tanpa dokumen sokongan yang lengkap.
- Kontrak pelantikan perunding tidak disediakan.

2.3. Bagi menambah baik pelaksanaan perolehan, adalah disyorkan Yayasan Negeri Sembilan mengambil tindakan berikut:

2.3.1. Memastikan perolehan dibuat mengikut peraturan berkaitan perolehan yang berkuat kuasa. Sekiranya peraturan ini tidak dapat dipenuhi, pihak Yayasan Negeri Sembilan bolehlah menambah baik *Standard Operating Procedure* sedia ada untuk digunakan oleh Yayasan Negeri Sembilan dalam membuat perolehan.

2.3.2. Kontrak formal bagi setiap perolehan bermasa bekalan dan perkhidmatan serta lantikan perunding hendaklah disediakan dengan lengkap dan pelanjutan tempoh kontrak perkhidmatan diberi sekali sahaja untuk tempoh tidak melebihi tempoh 2 tahun dengan tidak melibatkan perubahan kadar harga serta kontrak bernilai melebihi RM200,000 dikenakan bon pelaksanaan.

3. MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN PERBADANAN WAKAF NEGERI SEMBILAN SDN. BHD.

- Pengurusan Hartanah Wakaf

3.1. Seksyen 5, Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 telah menetapkan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (Majlis) adalah sebagai pemegang amanah tunggal ke atas mana-mana harta yang diwakafkan yang terletak di dalam Negeri Sembilan. Manakala Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan Sdn. Bhd. (PWNS) yang ditubuhkan pada 10 Jun 2005 adalah bertujuan untuk menguruskan hartanah wakaf secara profesional dan teratur. Antara aktiviti yang dilaksanakannya adalah seperti Pengurusan Harta Wakaf, Klinik dan Pusat Dialisis Wakaf An-Nur, Projek Wakaf Mart dan Bazar Wakaf, Skim Wakaf Tunai dan Skim Wakaf Al-Quran. Wakaf ialah pemberian harta daripada orang awam seperti tanah, bangunan dan wang kepada Pemegang Amanah untuk kebajikan pihak yang ditentukan serta masyarakat Islam keseluruhannya. Harta wakaf terbahagi kepada dua jenis iaitu Wakaf Ahli (Wakaf Keluarga) dan Wakaf Khairi (Wakaf Kebajikan). Wakaf Ahli dikhususkan manfaatnya kepada ahli keluarga dan keturunannya. Wakaf Khairi pula terbahagi kepada Wakaf Khas dan Wakaf Am. Wakaf Khas adalah wakaf yang telah ditentukan penggunaannya oleh pewakaf dan manfaatnya hanya boleh digunakan untuk tujuan tertentu yang telah dikhaskan sahaja. Wakaf Am pula adalah wakaf yang tidak dikhaskan bagi tujuan tertentu dan boleh diusahakan untuk apa jua pembangunan yang memberi pulangan kepada Majlis Agama Islam Negeri Sembilan dan manfaat kepada masyarakat Islam. Sehingga Disember 2014 sebanyak 51 permohonan wakaf bagi 7 daerah di seluruh Negeri Sembilan berkeluasan 29.4 hektar yang melibatkan tanah dan bangunan kediaman.

3.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Ogos 2015 mendapati pengurusan hartanah wakaf di Negeri Sembilan telah memberi manfaat kepada penduduk setempat. Bagaimanapun pelaksanaan pengurusan hartanah wakaf kurang memuaskan atas faktor-faktor berikut:

- Hanya sebahagian kecil tanah-tanah wakaf telah dibangunkan.
- Pembangunan hartanah bukan di atas tanah wakaf.
- Penyewaan hartanah wakaf tanpa perjanjian.
- Terdapat premis wakaf yang tidak diselenggarakan.
- Hartanah wakaf tidak diwartakan.

3.3. Bagi meningkatkan dan menambahbaik prestasi pengurusan hartanah wakaf di Negeri Sembilan adalah disyorkan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan dan Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan Sdn. Bhd. mengambil tindakan seperti berikut:

3.3.1. Mengadakan perancangan yang menyeluruh bagi memastikan hartanah wakaf dibangunkan sejajar dengan niat pewakaf dan pembangunan dibuat di atas tanah yang diberimilik kepada Majlis bagi mengelakkan pertikaian pemilikan.

3.3.2. Memperkemaskan pengurusan sewa dengan mempergiatkan usaha supaya premis wakaf yang kosong dapat disewakan dan disediakan perjanjian penyewaan.

3.3.3. Memastikan pelantikan Pendaftar Wakaf dan Penubuhan Panel Penasihat Pengurusan Wakaf dilaksanakan sepertimana yang digariskan dalam Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 dan memperkasakan struktur organisasi di Bahagian Pengurusan Hartanah Wakaf.

4. PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN

- Negeri Roadstone Sdn. Bhd.

4.1. Negeri Roadstone Sdn. Bhd. (NRSB) merupakan sebuah syarikat subsidiari Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan (PKNNS) dan telah ditubuhkan di bawah Akta Syarikat pada 22 April 1974. NRSB mempunyai modal dibenarkan berjumlah RM10.00 juta dan modal berbayar berjumlah RM4.00 juta. PKNNS memegang 51% dan baki 49% unit saham lagi dimiliki oleh 5 syarikat iaitu Pembangunan Bumi Sdn. Bhd. (36.1%), Cekap Sejagat Sdn. Bhd. (7.3%), Koperasi Pekebun Kecil Getah Nasional Berhad (2.7%), Nestin Holding (M) Sdn. Bhd. (2.6%), dan Ahmia Sdn. Bhd. (0.3%). Aktiviti utama NRSB ialah menjalankan perniagaan penggalian dan jualan batu-batan yang beroperasi di Mukim Setul, Seremban. Jabatan Kerja Raya dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) merupakan pembeli utama bahan batuan dari NRSB. NRSB juga membekalkan bahan batuan bagi projek Landasan Berkembar Keretapi yang menghubungkan laluan kereta api dari Seremban

ke Tampin. Selain itu, penubuhan NRSB juga bertujuan bagi menjalankan kerja-kerja pembinaan infrastruktur, penurapan jalan dan kerja-kerja kontrak.

4.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Januari hingga Mac 2015 mendapati kedudukan kewangan NRSB berada dalam kedudukan sangat baik dengan menunjukkan peningkatan keuntungan terkumpul pada setiap tahun dengan kedudukan keuntungan terkumpul setakat 31 Disember 2014 adalah RM45.31 juta. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan telah dikenal pasti seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya, kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Status pajakan tapak kuari di Lot 3733 dan 3734 hampir tamat manakala tapak kuari di Lot 5915 dalam proses lelongan bank masih belum diselesaikan.
- Proses pelupusan terhadap loji premix lama masih belum selesai.

4.3. Bagi meningkatkan dan menambahbaik prestasi pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan, adalah disyorkan syarikat Negeri Roadstone Sdn. Bhd. (NRSB) mengambil tindakan seperti berikut:

4.3.1. Memastikan tuan punya tapak kuari di Lot 5915 yang dalam proses lelongan bank dapat menyelesaikan masalah dengan bank supaya NRSB tidak kerugian atau kehilangan sumber bahan batuan dari kuari berkenaan.

4.3.2. Memastikan proses pelupusan aset dipercepatkan bagi loji premix yang tidak digunakan.



**AKTIVITI
JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI**

MAJLIS PERBANDARAN NILAI MAJLIS DAERAH TAMPIN

1. PENGURUSAN PELESENAN PREMIS PERNIAGAAN

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Aktiviti pengurusan pelesenan terhadap premis perniagaan merupakan salah satu fungsi Pihak Berkuasa Tempatan berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998 serta Undang-undang Kecil yang diwujudkan. Matlamat aktiviti pelesenan adalah untuk memastikan setiap jenis perniagaan dilesenkan dan mematuhi syarat yang ditetapkan terutama daripada segi keselamatan, ketenteraman dan kebersihan. Manakala matlamat aktiviti penguatkuasaan pula adalah untuk memastikan aktiviti perniagaan mempunyai lesen yang sah dan mematuhi syarat yang ditetapkan dan mengeluarkan amaran atau kompaun apabila berlaku pelanggaran syarat yang ditetapkan.

1.1.2. Pengurusan pelesenan dan penguatkuasaan di Majlis Perbandaran Nilai (MPN) masing-masing adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Pelesenan Dan Pembersihan dan Jabatan Penguatkuasaan Dan Undang-undang. Manakala bagi Majlis Daerah Tampin (MDT) adalah di bawah tanggungjawab Bahagian Pelesenan Dan Kesihatan Persekitaran, Bahagian Penguatkuasaan Dan Keselamatan serta Bahagian Undang-undang.

1.1.3. Lesen perniagaan yang dikeluarkan oleh MPN dan MDT terdiri daripada 4 jenis lesen iaitu lesen Tred, Perniagaan Dan Perindustrian, lesen hiburan, lesen iklan dan lesen penjaja. Tempoh sah bagi Lesen Tred, Perniagaan Dan Perindustrian serta lesen hiburan adalah 1 tahun. Jumlah pemegang lesen dan kutipan hasil yang diperoleh bagi tahun 2012 hingga 2014 mengikut Majlis adalah seperti di **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1
Bilangan Pemegang Lesen Dan Kutipan Hasil Majlis Perbandaran Nilai
Dan Majlis Daerah Tampin Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Tahun	Majlis Perbandaran Nilai		Majlis Daerah Tampin	
	Lesen Dikeluarkan	Hasil (RM Juta)	Lesen Dikeluarkan	Hasil (RM Juta)
2012	6,167	2.47	2,154	0.85
2013	6,229	2.53	2,217	0.95
2014	6,263	2.85	2,413	0.85
Jumlah	-	7.85	-	2.65

Sumber: MPN Dan MDT

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada pengurusan pelesenan telah dilaksanakan dengan cekap, teratur dan mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi pengurusan pelesenan yang dilaksanakan di Majlis Perbandaran Nilai dan Majlis Daerah Tampin bagi tahun 2012 hingga 2014. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail pelesenan dan dokumen yang berkaitan. Lawatan Audit ke premis perniagaan yang dipilih dan temu bual dengan pemilik premis serta pegawai yang terlibat turut diadakan. *Exit Conference* bersama Setiausaha MDT dan Yang DiPertua MPN telah diadakan masing-masing pada 20 dan 28 Ogos 2015.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Jun 2015 mendapati pengurusan pelesenan di MPN dan MDT adalah baik daripada segi prestasi pengeluaran lesen dan kutipan hasil. Bagaimanapun, daripada segi pelaksanaan proses pengeluaran lesen dan penguatkuasaan adalah kurang memuaskan. Terdapat beberapa kelemahan yang ditemui seperti yang dijelaskan dalam perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Proses permohonan lesen melebihi tempoh ditetapkan.
- Pengeluaran lesen sementara di MPN tidak mematuhi tempoh ditetapkan.
- Bayaran lesen dijelaskan melebihi tempoh yang ditetapkan.
- Terdapat perniagaan beroperasi tanpa lesen dan penggunaan lesen sementara dalam tempoh yang lama.
- Penguatkuasaan dan prestasi penyelesaian kompaun kurang memuaskan.
- Penyimpanan dan pelupusan patil, pelekat lesen dan borang permohonan lesen tidak mengikut peraturan ditetapkan di MDT.

1.4.1. Prestasi Pengeluaran Lesen

1.4.1.1. Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Bilangan 6 Tahun 2011 menetapkan tempoh sah laku lesen perniagaan adalah selama satu tahun dan boleh dilanjutkan sehingga 3 tahun dengan syarat Undang-undang Kecil Tred, Perniagaan Dan Perindustrian Pihak Berkuasa Tempatan dipinda. Di MPN dan MDT permohonan lesen bagi menjalankan perniagaan dibuat secara tahunan di mana tempoh sah laku lesen adalah selama setahun. Bagi tahun 2012 hingga 2014 sebanyak

2,818 permohonan lesen telah diterima oleh MPN dan sebanyak 609 permohonan telah diterima oleh MDT seperti di **Jadual 1.2**.

Jadual 1.2
Prestasi Pengeluaran Lesen Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Tahun	Jumlah Permohonan	Diluluskan	Ditolak	Tangguh
Majlis Perbandaran Nilai				
2012	918	718	90	110
2013	991	731	60	200
2014	909	660	51	198
Jumlah	2,818	2,109	201	508
Peratus (%)	-	74.8	7.1	18
Majlis Daerah Tampin				
2012	224	196	18	10
2013	220	195	21	4
2014	165	155	10	0
Jumlah	609	546	49	14
Peratus (%)	-	89.7	8	2.3

Sumber: MPN Dan MDT

1.4.1.2. Analisis Audit terhadap prestasi penyelesaian permohonan lesen premis perniagaan bagi tempoh 2012 hingga 2014 mendapati daripada jumlah 2,818 permohonan baru yang diterima di MPN, sebanyak 2,310 permohonan (81.9%) telah diselesaikan iaitu 2,109 permohonan lulus (74.8%) dan 201 permohonan ditolak (7.1%). Manakala, 508 permohonan (18%) masih belum diselesaikan/ditangguhkan. **Mengikut maklum balas MPN bertarikh 28 Ogos 2015, antara sebab permohonan ditangguhkan adalah kerana premis tidak mempunyai Sijil Perakuan Kelayakan Menduduki Bangunan dan belum mendapat ulasan daripada Jabatan Teknikal.**

1.4.1.3. Bagi prestasi penyelesaian di MDT, sebanyak 595 daripada 609 permohonan (97.7%) telah diselesaikan iaitu 546 permohonan lulus (89.7%) dan 49 permohonan ditolak (8%). Manakala, 14 permohonan (2.3%) masih belum diselesaikan/ditangguhkan bagi tempoh yang sama. **Mengikut maklum balas MDT bertarikh 20 Ogos 2015, permohonan tangguh adalah permohonan yang belum mendapat ulasan/jawapan daripada Jabatan Teknikal sahaja.**

Pada pendapat Audit, prestasi penyelesaian permohonan lesen premis perniagaan adalah baik kerana peratus penyelesaian di MPN dan MDT masing-masing adalah 81.9% dan 97.7%. Selain itu, peratusan bagi permohonan yang ditolak dan ditangguhkan adalah kecil bagi MPN dan MDT.

1.4.2. Prestasi Kutipan Hasil

1.4.2.1. Hasil lesen merupakan antara penyumbang kepada pendapatan Majlis pada setiap tahun. Bagi tahun 2012 hingga 2014, anggaran hasil lesen bagi MPN dan MDT masing-masing sejumlah RM8.93 juta dan RM2.65 juta. Semakan Audit mendapati prestasi keseluruhan kutipan hasil lesen MPN dan MDT bagi tempoh tersebut adalah baik iaitu masing-masing berjaya mengutip RM7.85 juta (87.9%) dan RM2.65 juta (100%) daripada anggaran seperti di **Jadual 1.3**.

Jadual 1.3
Anggaran Dan Kutipan Sebenar Hasil Lesen
Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Tahun	Hasil Lesen		Pencapaian (%)
	Anggaran (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)	
Majlis Perbandaran Nilai			
2012	2.84	2.47	87
2013	2.97	2.53	85.2
2014	3.12	2.85	91.3
Jumlah	8.93	7.85	87.9
Majlis Daerah Tampin			
2012	0.85	0.85	100
2013	0.90	0.95	105.6
2014	0.90	0.85	94.4
Jumlah	2.65	2.65	100

Sumber: MPN Dan MDT

1.4.2.2. MPN telah mencatatkan peningkatan hasil bagi tahun 2013 iaitu daripada RM2.47 juta kepada RM2.53 juta dan meningkat kepada RM2.85 juta bagi tahun 2014. Manakala MDT mencatatkan peningkatan hasil bagi tahun 2013 iaitu daripada RM0.85 juta kepada RM0.95 juta dan menurun kepada RM0.85 juta pada tahun 2014. Peningkatan hasil lesen bagi MPN dan MDT disebabkan pemegang lesen telah menjelaskan bayaran lesen mengikut jadual. **Mengikut maklum balas MDT bertarikh 20 Ogos 2015, prestasi kutipan hasil pada tahun 2014 tidak mencapai sasaran adalah kerana Dasar Kerajaan Negeri/keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) telah menetapkan untuk memberi lesen secara percuma kepada penaja termasuk bazar Ramadhan bermula pada tahun 2014-2016 bagi semua PBT.**


Pada pendapat Audit, prestasi kutipan hasil lesen di MDT dan MPN adalah baik kerana masing-masing telah mencapai sasaran kutipan 100% dan 87.9% berbanding sasaran ditetapkan.

1.4.3. Proses Pengeluaran Lesen

1.4.3.1. Proses Permohonan Lesen

- a. Secara ringkasnya proses pengeluaran lesen perniagaan melibatkan 15 peringkat utama iaitu daripada permohonan diterima dengan lengkap sehingga lesen perniagaan dikeluarkan kepada pemohon seperti di **Carta 1.1**. Di MPN dan MDT carta alir ini telah ditetapkan sebagai panduan bagi memproses permohonan lesen perniagaan.

Carta 1.1
Proses Pengeluaran Lesen Perniagaan



Sumber: MPN Dan MDT

- b. Semakan Audit terhadap 100 sampel di MPN dan 100 sampel di MDT mendapati proses kerja bagi pengurusan permohonan lesen perniagaan yang dilaksanakan di MPN dan MDT telah mengikut carta alir yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat fail permohonan lesen perniagaan di MPN dan MDT yang tidak lengkap seperti tidak mengandungi borang permohonan, laporan lawatan, ulasan dari Jabatan Teknikal, kertas kerja, minit dan keputusan Mesyuarat Jawatan Kuasa Kecil Kesihatan Dan Pelesenan/Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan, Kesihatan Dan Penguatkuasaan, salinan surat makluman keputusan, salinan bil dan maklumat pembayaran hasil lesen dan salinan lesen.
- c. **Mengikut maklum balas MPN bertarikh 28 Ogos 2015, perkara ini disebabkan kekurangan tenaga kerja di Bahagian Pentadbiran Lesen. Jawatan Pembantu Tadbir Kontrak Gred N17 akan diwujudkan bagi membantu membuat semakan ke atas rekod dan dokumen permohonan lesen yang diterima.**
- d. **Mengikut maklum balas MDT bertarikh 20 Ogos 2015, tindakan penambahbaikan telah dilaksanakan terhadap fail permohonan baru lesen perniagaan dengan mewujudkan borang senarai semak bagi memastikan kandungan fail lengkap dan kemas kini.**

1.4.3.2. Proses Permohonan Lesen Melebihi Tempoh Yang Ditetapkan

- a. Berdasarkan Prosedur Pengurusan Lesen ISO 9001:2008 MPN dan Piagam Pelanggan Bahagian Pelesenan Dan Kesihatan Persekitaran MDT, setiap permohonan lesen tred dan lain-lain perniagaan akan diproses dan diluluskan dalam tempoh 30 hari daripada tarikh penerimaan dokumen lengkap manakala bagi permohonan yang dikategorikan sebagai *fast track* akan diproses dalam tempoh 1 hingga 4 hari. Semakan Audit terhadap 100 fail permohonan lesen masing-masing di MPN dan MDT mendapati 34 permohonan lesen di MPN dan 21 permohonan di MDT telah diproses melebihi tempoh yang ditetapkan iaitu di antara 7 hingga melebihi 90 hari seperti di **Jadual 1.4**.

Jadual 1.4
Tempoh Kelewatan Memproses Permohonan Lesen
Bagi Tempoh 2012 Hingga 2014

Tempoh Kelewatan (Hari)	Bilangan Permohonan Lewat		Jumlah
	MPN	MDT	
7-30	20	11	31
31-60	9	4	13
61-90	3	3	6
Melebihi 90	2	3	5
Jumlah	34	21	55

Sumber: MPN Dan MDT

- b. Berdasarkan jadual di atas, jumlah bilangan permohonan yang lewat diproses di MPN adalah sebanyak 34 permohonan dengan tempoh kelewatan di antara 7 hingga 143 hari. Manakala di MDT sebanyak 21 permohonan lewat diproses dengan tempoh antara 7 hingga 1,063 hari.
- c. Semakan Audit juga mendapati antara sebab permohonan lesen perniagaan diproses melebihi tempoh yang ditetapkan di MPN dan MDT merupakan kelewatan mendapatkan ulasan dari Jabatan Teknikal. Kelewatan proses permohonan menyebabkan hasil lesen premis perniagaan lewat diperolehi dan meningkatkan risiko perniagaan beroperasi tanpa lesen.
- d. **Mengikut maklum balas MPN bertarikh 27 Oktober 2015, antara punca kelewatan tersebut adalah ulasan yang lewat diterima dari Jabatan Teknikal disebabkan Jabatan Teknikal meminta tempoh untuk membuat siasatan semula dan adakalanya pemohon tidak dapat hadir untuk membuat lawatan pemeriksaan premis bersama pegawai ketika lawatan dibuat. Manakala mengikut maklum balas MDT bertarikh 20 Ogos 2015, antara punca kelewatan adalah Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan, Kesihatan dan Penguatkuasaan (JPKP) diadakan sebulan sekali sahaja dan lambat menerima ulasan dari Jabatan Teknikal. Selain itu, pemohon berada di luar Daerah Tampin semasa**

lawatan ke premis diadakan dan tidak dimaklumkan kepada pihak MDT. Lawatan ini hanya dijalankan sebulan sekali bersama Ahli Majlis.

1.4.3.3. Kelulusan Lesen Tanpa Ulasan Panel Lawatan Dan Jabatan Teknikal

- a. Berdasarkan Prosedur Pengurusan Lesen ISO 9001:2008 MPN dan Piagam Pelanggan Bahagian Pelesenan Dan Kesihatan Persekitaran MDT, ulasan daripada Panel Lawatan dan Jabatan Teknikal perlu diperoleh sebelum kelulusan lesen diberikan kepada pemohon. Semakan Audit mendapati 34 daripada 100 permohonan yang diluluskan tidak mendapat ulasan dari Jabatan Teknikal iaitu 2 permohonan di MPN dan 32 permohonan di MDT seperti di **Jadual 1.5**.

Jadual 1.5
Bilangan Kelulusan Lesen Tanpa Ulasan Jabatan Teknikal
Bagi Tempoh 2012 Hingga 2014

Tahun	MPN	MDT
2012	2	2
2013	-	18
2014	-	12
Jumlah	2	32

Sumber: MPN Dan MDT

- b. **Mengikut maklum balas MPN bertarikh 28 Ogos 2015, ulasan lawatan teknikal telah diisi oleh pegawai lawatan dan telah dikemukakan kepada pihak Audit semasa exit conference untuk semakan. Manakala mengikut maklum balas MDT bertarikh 20 Ogos 2015, sekiranya urus setia belum menerima surat ulasan Jabatan Bomba Dan Penyelamat sebelum mesyuarat JPKP diadakan, sokongan Jabatan Bomba Dan Penyelamat akan diperoleh dan diluluskan dalam mesyuarat berkenaan. Tindakan penambahbaikan telah dilakukan dengan menyediakan senarai semak bagi mengelak perkara yang sama berulang.**

1.4.3.4. Tiada Penetapan Tempoh Bagi Pengeluaran Surat Makluman Keputusan Permohonan Lesen

- a. Berdasarkan Prosedur Lesen MS ISO 9001:2008 MPN dan Piagam Pelanggan Bahagian Pelesenan Dan Kesihatan Persekitaran MDT, surat makluman keputusan sama ada lulus, tolak atau tangguh hendaklah dikeluarkan secepat mungkin kepada pemohon untuk memaklumkan keputusan yang telah dibuat oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Kesihatan Dan Pelesenan (JKKP) MPN dan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan, Kesihatan Dan Penguatkuasaan MDT. Bagaimanapun, MPN dan MDT tidak menetapkan tempoh bagi pengeluaran surat makluman tersebut.
- b. Semakan Audit mendapati surat makluman keputusan permohonan di MPN dikeluarkan dalam tempoh 3 hingga 57 hari dan 3 hingga 38 hari di MDT seperti di **Jadual 1.6**. Tiada penetapan tempoh yang khusus bagi pengeluaran surat makluman

menyebabkan pemohon lewat mengetahui status permohonan mereka sekali gus akan menyebabkan hasil lesen lewat dikutip. Selain itu, kakitangan di Bahagian Pelesenan juga tidak mempunyai asas mengenai tempoh sebenar pengeluaran surat makluman perlu dikeluarkan.

Jadual 1.6
Tempoh Pengeluaran Surat Makluman Kepada
Pemohon Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Tempoh Pengeluaran (Hari)	Bilangan Surat Makluman	
	MPN	MDT
3-7	1	7
8-14	3	3
15-20	1	1
Melebihi 20	3	3
Jumlah	8	14

Sumber: MPN Dan MDT

- c. **Mengikut maklum balas MPN bertarikh 28 Ogos 2015, Jabatan Pelesenan akan melaksanakan pengeluaran surat makluman kelulusan dan dihantar kepada pemohon dalam tempoh 14 hari daripada tarikh mesyuarat diadakan. Ini akan dilaksanakan mulai Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Kesihatan Dan Pelesenan Bil. 12/2015. Manakala mengikut maklum balas MDT bertarikh 27 Oktober 2015, sebagai penambahbaikan MDT telah menetapkan pengeluaran surat makluman dalam tempoh 7 hari selepas tarikh mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan. Selain itu, pemberitahuan melalui telefon akan dimitnkan di dalam fail permohonan.**

1.4.3.5. Bayaran Lesen Dijelaskan Melebihi Tempoh Yang Ditetapkan

- a. MPN dan MDT telah menyatakan di dalam surat makluman kelulusan permohonan supaya bayaran lesen perlu dijelaskan masing-masing dalam tempoh 30 dan 20 hari daripada tarikh surat makluman tersebut. Sekiranya bayaran lesen gagal dijelaskan dalam tempoh tersebut, kelulusan lesen akan terbatal dan pemohon perlu memohon semula jika masih ingin menjalankan perniagaan.
- b. Semakan Audit mendapati terdapat 8 daripada 100 permohonan lesen yang telah lulus di MPN telah menjelaskan bayaran lesen melebihi tempoh yang ditetapkan iaitu di antara 7 hingga 349 hari bagi tahun 2012 hingga 2014. Manakala di MDT sebanyak 7 daripada 100 permohonan yang telah diluluskan permohonannya lewat menjelaskan bayaran lesen iaitu di antara 7 hingga 46 hari bagi tempoh yang sama seperti di **Jadual 1.7**. Bagaimanapun, permohonan lesen tersebut tidak dibatalkan. Selain itu, semakan Audit juga mendapati tiada salinan bil lesen (bukti pembayaran) disimpan dalam fail pemohon iaitu masing-masing sebanyak 13 dan 6 permohonan di MPN dan MDT.

Jadual 1.7
Tempoh Kelewatan Bayaran Lesen
Bagi Tempoh 2012 Hingga 2014

Tempoh Kelewatan (Hari)	Bilangan Permohonan	
	MPN	MDT
7-20	2	4
20-30	1	-
Melebihi 30	5	3
Jumlah	8	7

Sumber: MPN Dan MDT

- c. **Mengikut maklum balas MPN bertariikh 27 Oktober 2015**, Jabatan Pelesenan akan melaksanakan pengeluaran Notis Peringatan bagi pemohon lesen yang tidak membuat bayaran dalam tempoh 30 hari mulai 1 September 2015. Selain itu, terdapat juga pemohon yang telah diluluskan lesen tetapi masih belum membuat bayaran lesen kerana belum bersedia memulakan perniagaan. Bayaran hanya dibuat setelah mereka bersedia untuk menjalankan perniagaan. **Mengikut maklum balas MDT bertariikh 27 Oktober 2015**, pihak MDT tidak membatalkan lesen perniagaan tersebut kerana akan membebankan peniaga untuk menunggu tempoh masa kelulusan permohonan semula lesen perniagaan. Bagaimanapun, sebagai penambahbaikan pemberitahuan melalui telefon akan diminitkan di dalam fail permohonan sekiranya didapati pemohon masih belum menjelaskan bayaran.

1.4.3.6. Lesen Sementara Melebihi Tempoh Masa Yang Ditetapkan Di MPN

- a. Prosedur Pengurusan Lesen ISO 9001:2008 MPN menyatakan lesen sementara merupakan lesen yang telah dikeluarkan untuk tempoh 6 bulan sahaja. Sekiranya pemohon hendak memohon lesen penuh, syarat-syarat yang ditetapkan perlu dipatuhi terlebih dahulu. Manakala di MDT, had tempoh masa pengeluaran lesen sementara ditentukan mengikut keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan, Kesihatan Dan Penguatkuasaan bagi tempoh 3 atau 6 bulan bergantung kepada jenis lesen perniagaan yang dipohon.
- b. Semakan Audit terhadap rekod lesen sementara di MDT mendapati lesen sementara telah dikeluarkan mengikut keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan, Kesihatan Dan Penguatkuasaan untuk tempoh 3 atau 6 bulan. Manakala di MPN sebanyak 121 lesen sementara yang aktif telah dikeluarkan setakat 31 Disember 2014 dengan tempoh di antara 11 bulan hingga 26 tahun seperti di **Jadual 1.8**.

Jadual 1.8
Pengeluaran Lesen Sementara Oleh Majlis Perbandaran Nilai
Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Tahun Lulus Lesen Sementara	Bilangan Lesen Sementara	Kadar Lesen Dikenakan (RM)
1989-2000	10	5,710
2001-2005	28	16,808
2006-2010	38	15,390
2011-2014	11	4,340
Tiada Tarikh Kelulusan	34	9,406
Jumlah	121	51,654

Sumber: MPN

- c. Pihak Audit bersama pegawai Jabatan Pelesenan Dan Pembersihan MPN telah membuat lawatan pada 16 dan 17 Jun 2015 terhadap 6 premis perniagaan yang mendapat lesen sementara. Lawatan Audit mendapati antara sebab lesen sementara masih dikeluarkan kepada pemohon dalam tempoh yang panjang adalah kerana premis tidak mempunyai Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (CFO), premis didirikan di atas tanah rizab jalan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan tidak mematuhi syarat kelulusan lesen tetap. Hasil lawatan Audit mendapati perkara-perkara seperti berikut:
- i. Sebuah kilang pembuatan bahan konkrit di Jalan Pajam-Batang Benar seperti di **Gambar 1.1** telah membuat permohonan lesen pada 30 Mac 2005 dan mendapat kelulusan lesen sementara pada 26 Mei 2006 untuk tempoh 6 bulan. Pemohon perlu mendapatkan Sijil Perakuan Kelayakan Menduduki sebagai syarat untuk mendapatkan lesen penuh. Bagaimanapun, sehingga tarikh lawatan Audit, pemohon masih belum mempunyai Sijil Perakuan Kelayakan Menduduki. MPN telah meluluskan permohonan pembaharuan lesen sementara selama 8 tahun 6 bulan sejak kali pertama ia diluluskan.
 - ii. Sebuah premis perniagaan yang menjalankan perniagaan pusaturut tradisional, karaoke, pusat latihan dan penginapan telah diberikan lesen sementara pada bulan Disember 2006 selama 8 tahun 7 bulan dan masih belum mendapatkan Sijil Perakuan Kelayakan Menduduki sebagai syarat yang perlu dipenuhi untuk mendapatkan lesen tetap seperti di **Gambar 1.2**.

Gambar 1.1
Kilang Pembuatan Bahan Konkrit Beroperasi Dengan Lesen Sementara Kerana Tiada Sijil Perakuan Kelayakan Menduduki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PT 2500 - 2503 dan 4065, Batu 2 ½,
Jalan Pajam - Batang Benar
Tarikh: 16 Jun 2015

Gambar 1.2
Premis Perniagaan Beroperasi Dengan Lesen Sementara Kerana Tiada Sijil Perakuan Kelayakan Menduduki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 2597 - 2599,
Jalan Kuala Pilah-Seremban
Tarikh: 17 Jun 2015

- iii. Sebuah kedai tayar di Taman Desa Jasmin, Bandar Baru Nilai seperti di **Gambar 1.3** telah mendapat kelulusan lesen sementara sejak tahun 2004 selama 11 tahun dan masih belum mendapat Sijil Perakuan Kelayakan Menduduki dan permit *awning* sebagai syarat yang perlu dipenuhi untuk mendapatkan lesen tetap.



Gambar 1.3
Kedai Tayar Beroperasi Dengan Lesen Sementara Kerana Tiada Sijil Perakuan Kelayakan Menduduki

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Desa Jasmin, Bandar Baru Nilai
Tarikh: 16 Jun 2015

- iv. Sebuah kilang pembuatan bahan *acrylic* di Jalan Ulu Beranang Broga, Lenggeng seperti di **Gambar 1.4** telah beroperasi dengan lesen sementara sejak tahun 2005 dan belum mendapat kelulusan pelan mekanikal dan elektrik dari Jabatan Bomba Dan Penyelamat sebagai syarat mendapat lesen tetap. Selain itu, sebuah kilang membuat pallet kayu beroperasi dengan lesen sementara sejak tahun 2008. Syarat lulus lesen masih tidak dipenuhi kerana tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar, antaranya tempat pengumpulan habuk, aktiviti pemotongan dan pengetaman kayu dilakukan di tempat terbuka dan beroperasi berhampiran dengan sekolah dan taman perumahan seperti di **Gambar 1.5**.

Gambar 1.4
Kilang Pembuatan Bahan *Acrylic* Yang Belum Mendapat Kelulusan Pelan Mekanikal Dan Elektrikal Daripada Jabatan Bomba Dan Penyelamat



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Jalan Ulu Beranang Broga, Lenggeng
 Tarikh: 16 Jun 2015

Gambar 1.5
Kilang Membuat Pallet Kayu Yang Beroperasi Dengan Lesen Sementara Berdekatan Dengan Sekolah Dan Taman Perumahan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Jalan Besar Kuala Lumpur-Mantin
 Tarikh: 16 Jun 2015

- v. Sebuah pusat snuker di Kampung L.B. Johnson, Bandar Enstek telah mendapat lesen sementara sejak tahun 2013 kerana lokasinya terletak di rizab jalan Jabatan Kerja Raya seperti di **Gambar 1.6**.



Gambar 1.6
Pusat Snuker Beroperasi Dengan Lesen Sementara Di Rizab Jalan JKR.

Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kampung L.B. Johnson, Bandar Enstek
 Tarikh: 16 Jun 2015

- vi. **Mengikut maklum balas MPN bertarikh 28 Ogos 2015, pengeluaran lesen sementara yang dikeluarkan turut dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti Program Pemutihan di mana kilang-kilang yang beroperasi di luar kawasan perindustrian boleh dipertimbangkan untuk pemberian lesen. Lesen sementara juga dikeluarkan kepada pemohon yang telah berniaga tetapi tidak mematuhi syarat kelulusan lesen penuh yang ditetapkan. Selain itu, pengeluaran lesen adalah bagi meningkatkan aktiviti perniagaan dan memberi peluang kepada penduduk luar bandar meningkatkan pendapatan. Bagaimanapun, pihak MPN menyedari permasalahan ini dan akan memperhalus semula syarat-syarat pemberian dan tempoh masa lesen sementara.**

Pada pendapat Audit, proses pengeluaran lesen di MPN dan MDT adalah memuaskan kerana tempoh pengeluaran lesen masing-masing 66% dan 79% telah mengikut prosedur yang ditetapkan. Bagaimanapun, syarat dan peraturan lesen sementara bagi tempoh yang terlalu lama perlu dikaji semula.

1.4.4. Penguatkuasaan

Undang-undang Kecil Melesen Tred Perniagaan Dan Perindustrian MPN dan MDT menetapkan peniaga tidak dibenarkan menjalankan atau memulakan tred, perniagaan atau perindustrian tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Majlis. Jabatan/Bahagian Penguatkuasaan bertanggungjawab menjalankan aktiviti rondaan terhadap premis yang menjalankan perniagaan, mengeluarkan notis dan kompaun ke atas kesalahan-kesalahan yang dilakukan dan rampasan barang-barang perniagaan yang tidak mematuhi syarat-syarat lesen. Semakan Audit terhadap tugas rondaan dan aktiviti penguatkuasaan terhadap pelanggaran syarat lesen premis perniagaan di MPN dan MDT mendapati perkara seperti berikut:

1.4.4.1. Rondaan Harian

- a. Pemeriksaan secara rondaan harian oleh Jabatan/Bahagian Penguatkuasaan ke atas setiap lesen perniagaan dilakukan secara berkala setiap hari berdasarkan Jadual Tugas Harian Penguatkuasaan dan kompaun akan dikeluarkan bagi aktiviti yang menyalahi undang-undang.
- b. Semakan Audit di MDT mendapati Jadual Tugas Harian dan rondaan harian secara berkala ada dilaksanakan. Tugas penguatkuasaan dijalankan berdasarkan rondaan harian, memo daripada Bahagian Pelesenan dan aduan awam. Laporan terhadap tugas rondaan harian dan pemeriksaan premis perniagaan ada disediakan secara harian, mingguan dan bulanan yang jelas melaporkan anggota penguatkuasa yang terlibat, lokasi, aktiviti serta tindakan penguatkuasaan yang diambil jika berkaitan dan disahkan oleh Pegawai Penyelia. Selain itu, laporan juga ada dibuat bagi kes-kes yang memerlukan siasatan lanjut dan kes-kes mahkamah.
- c. Semakan Audit terhadap daftar dan rekod di Jabatan Penguatkuasaan MPN pula mendapati, Jadual Tugas Harian dan Laporan Rondaan Harian ada disediakan dengan menggunakan borang yang disediakan. Bagaimanapun, penyelenggaraan fail penguatkuasaan bagi permohonan lesen yang ditolak/ditangguhkan tidak selaras dengan Bahagian Pelesenan menyebabkan semak silang tidak dapat dijalankan oleh pihak Audit. **Mengikut maklum balas MPN bertarikh 28 Ogos 2015, pihaknya mengakui kelemahan tersebut dan akan menyatakan nombor rujukan fail permohonan lesen yang ditolak/ditangguhkan bagi memudahkan semakan semula.**

1.4.4.2. Perniagaan Beroperasi Tanpa Lesen

Lawatan Audit pada 12 Jun 2015 ke sebuah premis perniagaan yang terletak di kawasan pentadbiran MDT mendapati pemohon masih menjalankan aktiviti perniagaan iaitu penternakan ayam walaupun permohonan untuk mendapatkan lesen telah ditolak. Bagaimanapun, penguatkuasaan tidak dapat diambil ke atas peniaga kerana lokasi perniagaan tersebut adalah di luar kawasan operasi MDT. Manakala lawatan ke premis perniagaan di kawasan MPN pada 16 dan 17 Jun 2015 pula mendapati perkara seperti berikut:

- a. Semakan Audit terhadap 9 permohonan lesen berstatus tolak dan tangguh (permohonan ditangguhkan sehingga mendapat sokongan daripada Jabatan Teknikal dan dibentangkan semula di dalam Mesyuarat JKPKP) pula mendapati pemohon telah menjalankan perniagaan tanpa lesen. Antara sebab permohonan tersebut ditolak atau ditangguhkan adalah ulasan daripada Jabatan Teknikal seperti Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Bomba Dan Penyelamat belum diperoleh, belum mendapatkan permit *awning* serta kemudahan tandas tidak menepati syarat. Antara premis yang dilawati adalah seperti di **Gambar 1.7** hingga **Gambar 1.10**.

Gambar 1.7
Kilang Membuat Plastik Belum Mendapat
Ulasan Jabatan Teknikal



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Industri Ringan College Heights,
Pajam, Nilai
Tarikh: 16 Jun 2015

Gambar 1.8
Kedai Menjual Permaidani Dan Barangan
Hiasan Belum Mendapat Permit *Awning*



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Industri Nilai 3, Nilai
Tarikh: 16 Jun 2015

Gambar 1.9
Kedai Membaiki Motosikal Belum Mendapat
Ulasan Jabatan Teknikal



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pekan Pantai, Jalan Jelebu-Seremban
Tarikh: 17 Jun 2015

Gambar 1.10
Kemudahan Tandas Tidak Menepati Syarat
Lesen



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kafeteria USIM, Putra Nilai.
Tarikh: 16 Jun 2015

- b. **Mengikut maklum balas MPN bertariikh 28 Ogos 2015, pemantauan terhadap permohonan lesen premis perniagaan yang berstatus tolak dan tangguh ada dijalankan. Bagaimanapun, kekurangan kakitangan di Bahagian Penguatkuasaan menyebabkan pemantauan tersebut tidak dapat dijalankan secara menyeluruh.**

1.4.4.3. Pengurusan Kompaun

- a. Undang-undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-kesalahan) Jalan, Parit Dan Bangunan dan Undang-undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-kesalahan) Kerajaan Tempatan menetapkan kompaun akan dikenakan sekiranya berlaku pelanggaran peruntukan berkaitan pelesenan. Semakan Audit terhadap rekod kompaun di MPN dan MDT mendapati Daftar Rekod Kompaun ada diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi merekodkan kompaun yang dikeluarkan. Selain itu Laporan Kompaun bulanan juga ada disediakan.
- b. Semakan Audit terhadap prestasi penyelesaian kompaun bagi tahun 2012 hingga 2014 mendapati hanya 1,460 daripada 9,691 (15.1%) kompaun yang diselesaikan di MPN. Manakala, 440 daripada 1,076 kompaun atau 40.9% di MDT diselesaikan seperti di **Jadual 1.9**.

Jadual 1.9
Prestasi Penyelesaian Kompaun Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Tahun	Bilangan Kompoun			Peratus Penyelesaian (%)
	Dikeluarkan	Diselesaikan	Belum Selesai	
Majlis Perbandaran Nilai				
2012	3,272	400	2,872	12.2
2013	2,909	413	2,496	14.2
2014	3,510	647	2,863	18.4
Jumlah	9,691	1,460	8,231	15.1
Majlis Daerah Tampin				
2012	163	90	73	55.2
2013	376	145	231	38.6
2014	537	205	332	38.2
Jumlah	1,076	440	636	40.9

Sumber: MPN Dan MDT

Pada pendapat Audit, pelaksanaan penguatkuasaan di MDT adalah memuaskan kerana laporan terhadap rondaan harian dan pemeriksaan premis serta kes yang memerlukan siasatan lanjut dan kes mahkamah ada disediakan dengan teratur. Manakala, pengurusan penguatkuasaan di MPN kurang memuaskan kerana terdapat perniagaan yang beroperasi tanpa lesen dan penggunaan lesen sementara dalam tempoh yang lama.

1.4.5. Pengurusan Rekod Di Majlis

1.4.5.1. Kawalan Terhadap Patil Lesen Dan Borang Permohonan Lesen


a. Penyimpanan Dan Pengeluaran

i. Arahan Perbendaharaan 80(c) menghendaki supaya Borang Hasil yang dikeluarkan daripada stok disemak sekurang-kurangnya sekali setiap minggu oleh pemungut atau pegawai yang diberi kuasa untuk memastikan semua borang yang belum digunakan masih utuh. Semakan Audit terhadap sistem penyimpanan dan pengeluaran patil lesen di MPN mendapati ianya telah dibuat dengan teratur dan mengikut peraturan yang ditetapkan. Manakala semakan Audit di MDT pula mendapati perkara seperti berikut:

- Semua stok patil lesen tetap dan sementara serta pelekat lesen telah direkod dalam Daftar Borang Hasil (Kew.67) tetapi tidak lengkap dan tidak kemas kini iaitu tiada tarikh pengeluaran dan catatan kepada siapa stok dikeluarkan. Manakala borang permohonan yang dikenakan bayaran tidak direkodkan ke dalam Daftar Borang Hasil (Kew.67) dan pengeluaran stok tidak mengikut turutan nombor siri serta baki stok tidak dicatatkan dalam Daftar Kew.67. **Mengikut maklum balas MDT bertarikh 20 Ogos 2015, pihak MDT telah mengemaskinikan rekod pengeluaran patil dan pelekat**

lesen berkenaan. Setiap pengeluaran juga akan direkodkan di dalam Daftar Borang Hasil (Kew.67).

- Patil, pelekat lesen dan borang permohonan masing-masing bernilai RM5 setiap satu seperti borang tukar/tambah lesen perniagaan, pindah lokasi perniagaan dan pindah milik lesen perniagaan di MDT disimpan di atas rak terbuka di ruang kerja berhadapan kaunter Bahagian Kesihatan Dan Pelesenan seperti di **Gambar 1.11**. Situasi ini berisiko kepada kehilangan dan penyalahgunaan patil, pelekat dan borang lesen. **Mengikut maklum balas MDT bertariikh 20 Ogos 2015, patil, pelekat dan borang lesen diletakkan di ruang kerja berhadapan kaunter untuk memudahkan petugas kaunter mendapatkan borang tersebut. Bagaimanapun, berdasarkan teguran Audit patil lesen tetap dan sementara, pelekat lesen dan borang telah diletakkan di dalam kotak dan disimpan ke dalam kabinet besi setelah tamat waktu bekerja pada hari tersebut.**



Gambar 1.11
Patil, Pelekat Lesen Dan Borang
Permohonan Yang Diletakkan Di Rak
Terbuka Berhadapan Dengan Kaunter
Bahagian Kesihatan Dan Pelesenan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Majlis Daerah Tampin
Tarikh: 12 Mei 2015

b. Pelupusan

- i. Arahan Perbendaharaan 299 menghendaki kelulusan Ketua Audit Negara diperoleh sebelum resit rasmi, lesen dan borang seumpamanya yang belum digunakan atau usang hendak dimusnahkan. Ketua Jabatan hendaklah menghantar kepada Ketua Audit Negara senarai lengkap mengenai semua resit rasmi, lesen dan borang seumpamanya yang hendak dimusnahkan dengan memberi nombor kaunterfoil dan menyatakan justifikasi mengapa borang-borang itu tidak boleh digunakan lagi. Selain itu, Pegawai Pengawal hendaklah menubuhkan Lembaga Pemeriksa untuk memusnahkan resit rasmi, lesen, borang seumpamanya itu dan menyediakan perakuan pemusnahan dalam 2 salinan. Salinan pertama untuk dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dan salinan yang kedua hendaklah disimpan di Jabatan. Semakan Audit terhadap prosedur pelupusan di MPN mendapati ianya telah dibuat dengan teratur dan mengikut peraturan yang ditetapkan. Manakala semakan Audit di MDT pula mendapati perkara seperti berikut:

- Baki patil dan pelekat yang dianggarkan di antara 200 hingga 300 keping setahun di mana tidak boleh digunakan semula telah dilupuskan secara jualan terus kepada peniaga barangan lusuh. Selain itu, ia tidak dirincih sebelum dijual. Pelupusan tersebut dibuat tanpa kelulusan dan pengetahuan pihak atasan MDT dan tiada Jawatankuasa Pelupusan/Lembaga Pemeriksa ditubuhkan. Pihak Audit tidak dapat menentukan bilangan sebenar patil dan pelekat yang telah dilupuskan bagi tahun 2012 hingga 2014 kerana tiada sebarang rekod berkaitan pelupusan dan terimaan wang dibuat. Semua patil dan lesen yang dijual tanpa dirincih berisiko untuk disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mengutip wang daripada orang awam.
- **Mengikut maklum balas MDT bertarikh 20 Ogos 2015, patil, borang dan pelekat lesen dilupuskan dan tidak mengikut peraturan Kerajaan kerana pada ketika itu pegawai berkenaan berpendapat bahawa patil, borang dan pelekat tersebut tidak memerlukan tindakan pelupusan mengikut prosedur kewangan. Pihak MDT mengambil maklum perkara ini dan akan mengikut prosedur yang telah ditetapkan pada masa akan datang.**

Pada pendapat Audit, kawalan terhadap patil lesen dan borang permohonan lesen di MPN adalah baik kerana telah mengikut prosedur yang ditetapkan. Bagaimanapun, kawalan yang sama di MDT adalah kurang memuaskan kerana penyimpanan, pengeluaran dan pelupusan patil/pelekat dan borang permohonan lesen tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik pengurusan pelesenan premis perniagaan, adalah disyorkan Majlis Perbandaran Nilai dan Majlis Daerah Tampin mengambil tindakan berikut:

1.5.1. Mematuhi dan mengguna pakai sepenuhnya garis panduan dan piagam pelanggan berkaitan pengeluaran lesen perniagaan. Selain itu, syarat kelulusan lesen sementara perlu disemak semula bagi memastikan semua perniagaan mematuhi syarat lulus lesen.

1.5.2. Melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan secara bersepadu bagi memastikan syarat-syarat lesen dipatuhi dan peniaga mempunyai lesen premis perniagaan yang sah.

1.5.3. Majlis Daerah Tampin hendaklah memastikan patil, pelekat lesen dan borang permohonan lesen premis perniagaan disimpan di tempat yang selamat dan pelupusan patil, pelekat lesen dan borang permohonan lesen dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan.

YAYASAN NEGERI SEMBILAN

2. PENGURUSAN PEROLEHAN

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Yayasan Negeri Sembilan (YNS) telah ditubuhkan di bawah Enakmen Yayasan Negeri Sembilan No. 6 pada tahun 1979 dan mula beroperasi pada 1 Januari 1980. Peranan utama YNS adalah memberi bantuan pendidikan dalam bentuk pinjaman kewangan kepada para pelajar yang melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan institusi pengajian yang diiktiraf oleh Kerajaan termasuk di luar Negara. YNS juga bertanggungjawab menguruskan pungutan bayaran balik pinjaman tersebut. Selain pendidikan, YNS turut memberi sumbangan kepada pertubuhan atau badan-badan untuk maksud khairat, saintifik, perubatan, kebajikan, kemasyarakatan, pendidikan serta bantuan akibat malapetaka seperti banjir dan kebakaran. YNS juga bergiat dalam pembangunan hartanah, penyewaan ruang pejabat, pelaburan saham, perkilangan, perdagangan (*trading*), pertanian dan perniagaan pendidikan.

2.1.2. Pada tahun 2012 hingga 2014, YNS telah melaksanakan 147 perolehan kerja, perkhidmatan dan bekalan melibatkan perbelanjaan berjumlah RM4.94 juta. Kaedah pelaksanaan perolehan dan kos yang dibelanjakan sepanjang tempoh tersebut adalah seperti di **Jadual 2.1**. Bagi tempoh tersebut, sebanyak 5 perolehan kerja berjumlah RM2.96 juta di mana 2 daripadanya dilaksanakan melalui kaedah tender dan 3 lagi melalui kaedah sebut harga. Selain itu, sebanyak 5 perolehan perkhidmatan berjumlah RM0.41 juta dibuat melalui kaedah sebut harga dan 137 perolehan kerja, perkhidmatan dan bekalan yang berjumlah RM1.57 juta dilaksanakan melalui kaedah pembelian terus.

Jadual 2.1
Bilangan Dan Jumlah Perolehan Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Tahun	Pembelian Terus		Sebut Harga		Tender		Jumlah Bil.	Jumlah (RM Juta)
	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)		
2012	30	0.74	2	0.63	1	1.67	33	3.04
2013	66	0.77	1	0.06	1	0.60	68	1.43
2014	41	0.06	5	0.41	-	-	46	0.47
Jumlah	137	1.57	8	1.10	2	2.27	147	4.94

Sumber: YNS

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada pengurusan perolehan di Yayasan Negeri Sembilan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan serta dilaksanakan secara cekap, ekonomik dan mencapai matlamatnya.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini merangkumi perolehan di YNS bagi tahun 2012 hingga 2014. Pengurusan perolehan meliputi kaedah perolehan secara tender, sebut harga dan pembelian terus yang dibiayai daripada peruntukan YNS dan Kerajaan Negeri. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail berkaitan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Pemilihan sampel pengauditan melibatkan semua perolehan yang dibuat daripada setiap baucar bayaran yang dikeluarkan setiap tahun. Selain itu, lawatan ke tapak projek dan temu bual dengan pihak yang terlibat turut dijalankan. *Exit conference* bersama Pengarah Yayasan Negeri Sembilan telah diadakan pada 31 Julai 2015.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan di antara bulan Mei hingga Jun 2015 mendapati pada keseluruhannya pengurusan perolehan YNS adalah baik di mana 77.1% perolehan telah dibuat mengikut peraturan yang berkuat kuasa. Selain itu, pelaksanaan projek bagi tempoh 2012 hingga 2014 berjaya disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu penambahbaikan seperti yang dijelaskan dalam perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Kontrak formal bagi perolehan perkhidmatan bermasa tidak lengkap.
- Bon Pelaksanaan tidak dikutip bagi kontrak bermasa bernilai lebih RM200,000.
- Kontrak bermasa dilanjutkan melebihi tempoh.
- Ketidakpatuhan terhadap beberapa peraturan kewangan berhubung dengan tatacara perolehan antaranya perolehan kerja dibuat tanpa Inden Kerja/Pesanan Tempatan dan pembayaran dibuat tanpa dokumen sokongan yang lengkap.
- Kontrak pelantikan perunding tidak disediakan.

2.4.1. Jawatankuasa Dan Kaedah Perolehan

Mengikut 1PP-PK 2/2013, Para 10 (ii) (a) mengehendaki pelantikan Ahli Lembaga Perolehan dibuat di peringkat Persekutuan, Negeri, Agensi dan juga syarikat-syarikat Kerajaan. Lembaga Perolehan ini bertanggungjawab mempertimbangkan dan menyetujui terima tender berasaskan kepada prinsip, dasar dan peraturan Kerajaan serta bersikap *neutral* dan profesional dalam mempertimbangkan sesuatu tender dan juga bebas daripada pengaruh luar. Semakan Audit mendapati Lembaga Perolehan YNS telah dibentuk. Ia dipengerusikan oleh Pengarah YNS, dianggotai oleh 5 orang ahli dan seorang setiausaha.

2.4.2. Perolehan Bekalan

2.4.2.1. Perolehan bekalan merangkumi barangan/peralatan yang dibekalkan bagi menjalankan sesuatu program, aktiviti atau projek Kerajaan/Agensi seperti makanan, pakaian, kenderaan dan kelengkapan pejabat. Perolehan YNS bagi tempoh 2012 hingga 2014 yang berjumlah RM1.57 juta telah dibuat melalui kaedah pembelian terus. Pembelian terus ditafsirkan sebagai perolehan bekalan/perkhidmatan atau sesuatu kontrak yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan sehingga RM20,000. Antara syarat-syarat perolehannya ialah harga tawaran yang paling menguntungkan Kerajaan hendaklah dipilih, membuat kajian pasaran dan perolehan dilaksanakan oleh pegawai yang diberikan kuasa secara bertulis.

2.4.2.2. Semakan Audit terhadap 31 daripada 172 sampel baucar bayaran melibatkan perolehan bekalan YNS bagi tahun 2012 hingga 2014 mendapati YNS telah mematuhi tatacara perolehan yang ditetapkan seperti melakukan kajian pasaran dalam membuat perolehan, memberi keutamaan kepada barangan tempatan serta perolehan dibuat oleh pegawai yang telah diberikan kuasa bertulis. Bagaimanapun terdapat beberapa perkara yang masih boleh diperbaiki seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2

Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan Berhubung Dengan Tatacara Perolehan Bekalan

Tahun	Peraturan Tatacara Perolehan Bekalan											
	a	b	c	d	e	f	g	h	i	j	k	l
2012	5	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√
2013	1	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	1
2014	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√

Sumber: YNS

Nota: √ - Semua Mematuhi Angka – Bilangan Baucar Bayaran Yang Tidak Mematuhi

- Pesanan Tempatan Ada Dikeluarkan
- Penurunan Kuasa Menandatangani Borang Pesanan Tempatan Secara Bertulis
- Pesanan Barangan Diluluskan Oleh Pegawai Yang Diberi Kuasa
- Pesanan Tempatan Dikeluarkan Terlebih Dahulu Bagi Setiap Pembelian
- Borang Pesanan Tempatan Dicatat Dengan Maklumat Utama Yang Lengkap
- Pengesahan Penerimaan Bekalan Dibuat
- Bekalan Dan Kuantiti Yang Hendak Diperoleh Ada Ditentukan
- Perolehan Diterima Daripada Syarikat Bertaraf Bumiputera Yang Berdaftar Dalam Bidang Berkaitan
- Bayaran Dibuat Kepada Syarikat Berdasarkan Pesanan Tempatan Berserta Invois
- Bil Dibayar Dalam Tempoh 14 Hari
- Had Perolehan Dipatuhi
- Dokumen Sokongan Lengkap

2.4.2.3. Perolehan Tanpa Pesanan Tempatan

- Mengikut Arahan Perbendaharaan 176.1(d) Pesanan Kerajaan/Tempatan perlu disediakan dalam 3 salinan pada masa barang dipesan sekiranya ianya disediakan secara manual dan Arahan Perbendaharaan 176.1(e) pula menyatakan pesanan tersebut hanya perlu disediakan dalam 2 salinan pada masa barang dipesan sekiranya ianya disediakan secara elektronik. Semakan Audit mendapati Pesanan Tempatan tidak dikeluarkan bagi 6 (19.4%) daripada 31 perolehan bekalan berjumlah RM11,625 seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Perolehan Tanpa Pesanan Tempatan Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Bil.	No. Baucar/ Tarikh	Perihal Bayaran	Nilai Baucar (RM)
1	309/2012/ 27.1.2012	Bayaran Mencetak Kepala Surat Dan Sampul Surat Untuk Majlis Anugerah Cemerlang YNS	880
2	600/2012/ 5.3.2012	Bayaran Bagi Mencetak Replika Cek Untuk Majlis Anugerah Siswazah Cemerlang Kelas Pertama	5,440
3	1648/2012/ 16.7.2012	Bayaran Mencetak Replika Cek Untuk Majlis Anugerah Siswazah Cemerlang Kelas Pertama 31.5.2012	2,080
4	3443/2012/ 19.12.2012	Bayaran Bagi Membekal Siling Gantung Di Bangunan YNS	375
5	3256/2012/ 3.12.2012	Bayaran Bagi Membekal Dan Memasang Carta Organisasi YNS	1,800
6	101/2013/ 16.1.2013	Bayaran Bagi Mencetak Sampul Surat Untuk Kegunaan YNS	1,050
Jumlah			11,625

Sumber: YNS

- b. Menurut maklum balas YNS yang bertarikh 24 Ogos 2015, YNS akui kesilapan tersebut dan telah menambah baik pengurusan perolehan dengan mengeluarkan Pesanan Tempatan bagi setiap perolehan di masa akan datang.

2.4.2.4. Dokumen Sokongan Tidak Lengkap

- a. Arahan Perbendaharaan 98, 99 dan 102 menggariskan bahawa baucar bayaran perlu disokong dengan dokumen sokongan asal, lengkap dan sempurna serta pembayaran dibuat dengan betul dan tepat kepada penerima yang sah. Semakan Audit mendapati terdapat satu (3.2%) daripada 31 perolehan bekalan berjumlah RM46,000 telah dibuat bayaran tanpa dokumen sokongan yang lengkap seperti di **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4
Perolehan Tanpa Dokumen Sokongan Yang Lengkap Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

No. Baucar/ Tarikh	Perihal Bayaran	Butiran Dokumen Sokongan Tidak Lengkap	Nilai Baucar (RM)
889/2013/ 15.4.2013	Bayaran Kebudayaan Sempena Program Senam Seni 1 Malaysia Pada 14.4.2013 Di City Park, Seremban 2	Bil-bil tuntutan tidak dikemukakan dan hanya kertas cadangan pengisian program persembahan bagi tahun 2013 dilampirkan	46,000
Jumlah			46,000

Sumber: YNS

- b. Menurut maklum balas YNS yang bertarikh 24 Ogos 2015, perbelanjaan tersebut merupakan perbelanjaan bagi program bersama Angkatan Seni Baru Sdn. Bhd. (anak syarikat YNS) iaitu program sosial dan segala bil tuntutan berada di pejabat Angkatan Seni Baru Sdn. Bhd..

2.4.2.5. Aset Yang Dibeli Diguna Sebaik Mungkin

Setiap perolehan aset perlulah didaftar, direkodkan, disenggarakan, disimpan dan diguna dengan baik selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil.5 Tahun 2007 berkenaan dengan Pengurusan Aset Alih Kerajaan. Semakan Audit terhadap 44 baucar bayaran melibatkan perolehan bekalan mendapati 7 daripadanya melibatkan pembelian aset dan bekalan pejabat (dakwat mesin pencetak) yang berjumlah RM87,341 seperti di **Jadual 2.5**. Semakan Audit juga mendapati kesemua aset dan bekalan pejabat tersebut diguna pakai sepenuhnya kecuali bagi 2 unit *Open Burner With Oven* yang telah rosak dan telah dihantar kepada pembekal untuk dibaiki kerana masih di dalam tempoh jaminan seperti di **Gambar 2.1**. Selain itu, daftar keluar masuk stok dan stor bekalan pejabat juga telah diselenggarakan dan disusun dengan teratur.

Jadual 2.5
Senarai Aset Yang Diperoleh Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Bil.	Tarikh/ Nombor Baucar	Nilai Baucar (RM)	Perihal Aset	Lokasi Aset
1	19.2.2013/ 334/2013	50,336	5 unit Mesin Jahit <i>High Speed-Singer</i> 1 unit Mesin Jahit Tepi <i>High Speed-Singer</i> 1 unit Mesin Jahit <i>Quilting - Toyota</i> 1 unit Mesin Sulam Komputer- <i>Singer</i> 1 unit Mesin memotong JK-T 1003-8' - Jack 1 unit <i>Manual end Cutter</i> JK 100- Jack 1 unit <i>Pressure Iron - Singer E SP26</i> 1 Set pentas pasang siap 1" (8 x 16) Tinggi (1; 8 x 16) 1 set <i>Stage Props</i> (termasuk kerusi dan hiasan) 2 unit 4 kaki <i>Open Burner With Oven</i> 1 unit <i>Ice-box freezer</i> 1 unit <i>Ice-Cream Machine</i>	Institut Teknologi Yayasan Negeri Sembilan (ITYNS), Kuala Pilah
			3 Set komputer - Samsung 19' LED Monitor (Jabatan Kaunter hadapan) 1 unit <i>Projector - NEC NPW260X</i> 3 Set komputer - Samsung 19' LED <i>Monitor</i> (Jabatan sumber manusia)	
2	13.5.2013/ 1089/2013	3,160	1 unit Mesin perincih kertas heavy duty	Yayasan Negeri Sembilan
3	4.7.2013/ 1424/2013	7,000	2 SET komputer _ <i>acer aspire</i>	
4	3.9.2013/ 1833/2013	7,800	1 set <i>desktop HP Elite 8300 super</i> komputer untuk data <i>backup</i> sistem	
5	1.7.2014/ 1248/2014	3,400	3 unit <i>pigeon hole steel cabinet</i> 2 unit <i>side cabinet</i> 2 unit <i>high back executive chair</i> 2 unit <i>drawer (5' x 2 ½')</i> 1 unit <i>trolley solid wood top</i>	
6	21.7.2014/ 1469/2014	8,190	2 unit komputer Acer 2 unit pencetak MX377 1 unit <i>LCD moniter Acer</i>	
7	29.10.2014/ 2934/2014	5,660	2 Unit komputer	
		1,795	1 unit Pencetak	
Jumlah		87,341		

Sumber: YNS



Gambar 2.1
Open Burner With Oven
Yang Telah Rosak

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sekolah Perhotelan, Era Square,
Tarikh: 17 Jun 2015

Pada pendapat Audit, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan berkaitan perolehan bekalan adalah baik kerana 83.3% perolehan bekalan telah dibuat mengikut tatacara perolehan yang telah ditetapkan.

2.4.3. Perolehan Perkhidmatan

2.4.3.1. Perolehan perkhidmatan ditafsirkan sebagai khidmat tenaga manusia atau kepakaran untuk melaksanakan dan menyiapkan sesuatu projek. Bidang perkhidmatan terbahagi kepada dua iaitu perkhidmatan perunding dan bukan perunding. Selain daripada perolehan bekalan, YNS juga membuat perolehan perkhidmatan seperti perkhidmatan pembersihan, landskap dan keceriaan bangunan, kawalan serangga perosak, kawalan keselamatan, *cooling water treatment*, *sanitary*, khidmat jurutera kompetan elektrik, senggaraan lif, senggaraan sistem melawan kebakaran bangunan, senggaraan *fire alarm* dan senggaraan *franking machine*.

2.4.3.2. Semakan Audit terhadap 18 kontrak perolehan perkhidmatan YNS bagi tahun 2012 hingga 2014 mendapati YNS telah mematuhi tatacara perolehan yang ditetapkan seperti perolehan dibuat oleh pegawai yang telah diberikan kuasa bertulis dan surat tawaran dikeluarkan kepada kontraktor/pembekal yang berjaya dalam proses sebut harga. Bagaimanapun terdapat 4 perkhidmatan melibatkan kerja-kerja pembersihan bangunan YNS, pembersihan tingkat 7 bangunan YNS, pembersihan kawasan flet Bukit Delima serta kerja-kerja landskap dan keceriaan bangunan YNS telah diberi secara pembelian terus kepada YNS Management Sdn. Bhd. (anak syarikat YNS) tanpa melalui proses sebut harga. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1/2011 membenarkan anak syarikat sesebuah Badan Berkanun menyertai perolehan badan induk tetapi agensi berkenaan perlulah mewujudkan garis panduan/ kawalan dalaman perolehan masing-masing dalam menguruskan perolehan melibatkan anak syarikat tersebut. Selain itu juga pihak Audit mendapati beberapa perkara lain yang masih boleh diperbaiki seperti di **Jadual 2.6.**

Jadual 2.6
Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan Berhubung
Dengan Tatacara Perolehan Perkhidmatan

Bil.	Jenis Perkhidmatan	Peraturan Tatacara Perolehan Perkhidmatan															
		a	b	c	d	e	f	g	h	i	j	k	l	m	n	o	p
1	Kawalan Keselamatan Bangunan YNS (semasa)	√	√	√	√	√	√	x	x	√	√	x	x	√	√	√	√
2	Penyenggaraan Lif Bangunan YNS	√	√	√	√	√	√	x	√	x	√	x	x	√	√	√	√
3	Perkhidmatan <i>Cash In Transit</i> (semasa)	√	√	√	√	√	√	x	√	√	√	x	x	√	√	√	√
4	Kawalan Keselamatan Pusat Kraf Terachi, Kuala Pilah	√	√	√	√	√	√	x	√	√	√	x	x	√	√	√	√
5	Pembersihan Bangunan YNS	√	x	√	x	√	√	x	x	x	√	x	x	√	√	√	√
6	Kerja-Kerja Landskap Dan Keceriaan Bangunan YNS	√	x	√	x	√	√	x	√	x	√	x	x	√	√	√	√
7	Pembersihan Bangunan Dan Kawasan Flet Bukit Delima	√	x	√	x	√	√	x	√	x	√	x	x	√	√	√	√
8	<i>Cooling Water Treatment</i>	√	√	√	√	√	√	x	√	x	√	x	x	√	√	√	√
9	<i>Hygiene Services (Sanitary)</i>	√	√	√	√	√	√	x	√	√	√	x	x	√	√	√	√
10	Pembasmian Serangga	√	√	√	√	√	√	x	√	√	√	x	x	√	√	√	√
11	Penyenggaraan Mesin <i>Franking</i>	√	√	√	√	√	√	x	√	√	√	x	x	√	√	√	√
12	Sewaan Mesin Fotostat	√	√	√	√	√	√	x	√	√	√	x	x	√	√	√	√
13	Penyenggaraan Sistem Melawan Kebakaran Bangunan YNS	√	√	√	√	√	√	x	√	x	√	x	x	√	√	√	√
14	Penyenggaraan <i>Computerised Fire Alarm</i>	√	√	√	√	√	√	x	√	√	√	x	x	√	√	√	√
15	Khidmat Jurutera Kompetensi Bagi Pengawasan Elektrik	√	√	√	√	√	√	x	√	x	√	x	x	√	√	√	√
16	Pembersihan Di Tingkat 7 Bangunan YNS	√	x	√	x	√	√	x	√	√	√	x	x	√	√	√	√
17	Kawalan Keselamatan Bangunan YNS	√	√	√	√	√	√	x	√	√	√	x	x	√	√	√	√
18	Perkhidmatan <i>Cash In Transit</i>	√	√	√	√	√	√	x	√	√	√	x	x	√	√	√	√

Sumber: YNS

Nota: √ - Semua Mematuhi x –Tidak Mematuhi

- Pesanan Tempatan Ada Dikeluarkan (Pembelian Terus)/ Sebut Harga Dipanggil
- Proses Sebut Harga Dipatuhi
- Perkhidmatan Diterima Daripada Syarikat Bertaraf Bumiputera Yang Berdaftar Dalam Bidang Berkaitan
- Had Perolehan Dipatuhi
- Surat Tawaran Dikeluarkan Kepada Pembekal Berjaya Bagi Perolehan Secara Sebut Harga
- Kontrak Perjanjian Formal Disediakan
- Kontrak Disediakan Dengan Lengkap
- Bon Pelaksanaan Dikutip Bagi Kontrak Bernilai Rm200,000 Atau Lebih
- Kontrak Dilanjutkan Tidak Melebihi Tempoh
- Lanjutan Tempoh Kontrak Dibuat Sebelum Kontrak Asal Tamat Tempoh
- Polisi Insurans Tanggungan Awam Dan Polisi Insurans Pampasan Pekerja Dikemukakan Oleh Pihak Pembekal
- Polisi Insurans Diperbaharui Mengikut Lanjutan Kontrak
- Bayaran Dibuat Kepada Syarikat Berdasarkan Pesanan Tempatan Berserta Invois
- Bil Dibayar Dalam Tempoh 14 Hari
- Had Perolehan Dipatuhi
- Dokumen Sokongan Lengkap

2.4.3.3. Kontrak Formal Bagi Setiap Perkhidmatan Tidak Disediakan Dengan Lengkap

- a. Mengikut 1PP-PK2/2013 Para 3(ii)(b) dan Arahan Perbendaharaan 176.1 (c) menyatakan semua perolehan bekalan atau perkhidmatan bermasa perlu disediakan kontrak formal serta Arahan Perbendaharaan 204 berkenaan dengan syarat-syarat kontrak hendaklah dipatuhi. Semakan Audit mendapati 18 kontrak perkhidmatan bermasa telah disediakan perjanjian dan disemak oleh panel peguam YNS. Semakan Audit terhadap kontrak yang disediakan mendapati tiada klausa tindakan yang akan diambil sekiranya pembekal/kontraktor melanggar syarat kontrak. Selain itu, pembekal/kontraktor juga tidak tertakluk untuk mengambil polisi insurans tanggungan awam dan insurans pampasan pekerja serta tidak tertakluk untuk membayar Bon Pelaksanaan kerana tidak dinyatakan dalam kontrak.
- b. **Menurut maklum balas YNS yang bertarikh 24 Ogos 2015, YNS akan memastikan perjanjian yang dibuat selepas ini mewajibkan pembekal mengambil polisi insurans tanggungan awam dan insurans pampasan pekerja serta tertakluk membayar Bon Pelaksanaan bagi kontrak bernilai RM200,000 atau lebih.**

2.4.3.4. Bon Pelaksanaan Tidak Dikenakan

- a. Bon Pelaksanaan ialah suatu bentuk jaminan yang perlu dikemukakan oleh pembekal/kontraktor yang mendapat kontrak daripada Kerajaan, serta boleh dipegang oleh Kerajaan bagi melindungi kepentingannya dan memastikan kontraktor melaksanakan semua obligasi di bawah sesuatu kontrak. Berdasarkan kepada Arahan Perbendaharaan 176.2 (a), Bon Pelaksanaan hendaklah dikenakan bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan yang nilainya melebihi RM200,000 sebanyak 2.5% daripada nilai kontrak. Bagi kontrak yang bernilai lebih RM500,000 pula Bon Pelaksanaan dikenakan adalah sebanyak 5%. Bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan bermasa yang berkuat kuasa selama 2 tahun atau lebih, kadar peratus pengiraan hendaklah ditentukan mengikut harga anggaran kontrak setahun sahaja dan bukan bagi keseluruhan harga kontrak. Semakan Audit mendapati Bon Pelaksanaan tidak dikenakan terhadap 2 kontrak bermasa bernilai lebih RM200,000 melibatkan kerja-kerja kawalan keselamatan di bangunan YNS dan kerja-kerja pembersihan di bangunan YNS seperti di **Jadual 2.7**.

Jadual 2.7
Bon Pelaksanaan Tidak Dikenakan Bagi Kontrak Bermasa Tahun 2012 Hingga 2014

Bil.	Kontraktor	Tempoh Kerja	Nilai Kontrak (RM)	Jumlah Bon Pelaksanaan Sepatutnya Dikenakan (RM)
1	Lamborda Security System (M) Sdn. Bhd.	1.8.2014 - 31.7.2016 (2 tahun)	247,277	3,091
2	YNS Management Sdn. Bhd	1.1.2014 - 31.12.2015 (2 tahun)	240,000	3,000
Jumlah				6,091

Sumber: YNS

- b. Menurut maklum balas YNS yang bertarikh 24 Ogos 2015, YNS telah meminta 2 syarikat terbabit mengemukakan Bon Pelaksanaan sebanyak 2.5% daripada nilai kontrak setahun.

2.4.3.5. Kontrak Dilanjutkan Melebihi Tempoh Dan Melibatkan Perubahan Kadar Harga

- a. Arahan Perbendaharaan 201.1(a) menyatakan pelanjutan tempoh kontrak bekalan/perkhidmatan boleh diluluskan oleh pihak berkuasa yang meluluskan sebut harga/tender asal (Lembaga Perolehan) dengan syarat kontrak masih berkuat kuasa semasa permohonan perubahan kontrak dan lanjutan tempoh dipertimbangkan, tidak melibatkan perubahan kadar harga dan lain-lain syarat dalam kontrak, pelanjutan tempoh diberi sekali sahaja dan tidak melebihi 2 tahun; dan tambahan kuantiti/nilai tidak melebihi 50% daripada kontrak asal tertakluk kepada maksimum RM7.5 juta dan dengan syarat jumlah tambahan ini dan nilai kontrak asal (jumlah terkumpul) tidak melebihi RM25 juta. Semakan Audit mendapati terdapat 7 kontrak bermasa telah dilanjutkan melebihi tempoh 2 tahun iaitu antara 3 hingga 14 tahun dan satu daripadanya melibatkan perubahan kadar harga seperti di **Jadual 2.8**. Lanjutan kontrak tersebut telah diluluskan oleh Lembaga Perolehan YNS.

Jadual 2.8

Kontrak Bermasa Dilanjutkan Melebihi Tempoh 2 Tahun Bagi Tempoh Tahun 2012 Hingga 2014

Bil.	Kontraktor/ Jenis Perkhidmatan	Nilai Kontrak Asal Sebulan (RM)	Kontrak Asal Bermula	Kontrak Asal Berakhir	Tempoh Lanjutan Kontrak	Nilai Kontrak Lanjutan Sebulan (RM)	Keseluruhan Jumlah Tempoh Lanjutan (Tahun)
1	Mitsubishi Elevator (Ryoden Malaysia)/ Penyenggaraan Lif	1,560	1.1.2000	31.12.2001	1.1.2002 - 31.12.2006 (5 tahun)	1,640	14
					1.1.2007 - 31.12.2015 (9 tahun)	1,722	
2	YNS Management Sdn. Bhd./Kerja- Kerja Mencuci Di Bangunan YNS	10,000	1.1.2009	31.12.2011	1.1.2012 - 31.12.2015 (5 tahun)	10,000	4
3	YNS Management Sdn. Bhd./Kerja- Kerja Mencuci Di Flat Bukit Delima	1,200	1.1.2009	31.12.2011	1.1.2012 - 31.12.2015 (4 tahun)	1,200	4
4	Master Pyroserve Sdn. Bhd./ Penyenggaraan Sistem Kebakaran Berkomputer	1,800	15.4.1998	14.4.2000	15.4.2000 - 14.4.2016 (6 tahun)	1,800	6
5	Choo Engineering Services/Kawalan Kompeten Untuk Pengawasan Kerja-Kerja Elektrik	220	1.1.2010	31.10.2013	1.11.2013 - 31.10.2016 (3 tahun)	220	3
6	YNS Management Sdn. Bhd./Kerja- Kerja Landskap Dan Keceriaan Bangunan YNS	8,000	1.12.2011	31.12.2012	1.12.2013 - 31.12.2013 (1 tahun)	8,000	3
					1.1.2014 - 31.12.2015 (2 tahun)		
7	Witco Chemical (M) Sdn. Bhd./Cooling Water Treatment	1,000	1.7.2010	30.6.2013	1.7.2013 hingga 30.6.2016 (3 tahun)	1,000	3

Sumber: YNS

- b. Menurut maklum balas YNS yang bertarikh 24 Ogos 2015, Mitsubishi Elevator merupakan pembekal asal lif dan *specialist* dalam penyenggaraan lif jenama Mitsubishi. YNS juga akan memohon kelulusan Ahli Lembaga Pemegang Amanah YNS untuk melantik terus Mitsubishi Elevator sebagai pembekal penyenggaraan lif tersebut. Bagi perkhidmatan yang diberikan kepada YNS Management pula, YNS berpendapat syarikat tersebut adalah milik penuh YNS dan penyertaan YNS Management dalam perolehan YNS akan memberi peluang anak syarikat sendiri menjana pendapatan. Master Pyroserve Sdn. Bhd. pula merupakan pembekal asal yang memasang sistem kawalan kebakaran berkomputer di bangunan YNS. YNS juga akan memohon kelulusan Ali Lembaga Pemegang Amanah YNS untuk melantik terus Master Pyroserve Sdn.

Bhd. sebagai pembekal penyenggaraan sistem tersebut. Manakala bagi khidmat kawalan kompeten untuk pengawasan kerja-kerja elektrik dan *cooling water treatment*, YNS akan membuat perbandingan harga semula sebelum tempoh perjanjian sedia ada tamat mengikut proses pembelian terus.

Pada pendapat Audit, perolehan perkhidmatan YNS adalah memuaskan kerana 56.3% sahaja kriteria peraturan tatacara perolehan perkhidmatan telah dipatuhi.

2.4.4. Perolehan Kerja

2.4.4.1. Prestasi Kerja

Bagi tempoh 2012 hingga April 2015, sebanyak 5 projek telah dilaksanakan oleh YNS yang berjumlah RM2.96 juta. Tiga daripada 5 projek tersebut telah berjaya disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu kerja-kerja pengukuran tanah tanaman kelapa sawit, kerja-kerja membaik pulih padang Stadium Hoki Seremban 2 dan kerja-kerja pemasangan pintu rintangan api. Selain itu, dua lagi projek telah disiapkan dengan lanjutan masa iaitu pembinaan loji kumbahan berpusat di Institut Teknologi YNS (ITYNS) dan kerja-kerja mengecat bangunan YNS. Status pelaksanaan projek bagi tempoh tahun 2012 hingga April 2015 adalah seperti di **Jadual 2.9**.

Jadual 2.9
Status Pelaksanaan Projek YNS Bagi Tempoh 2012 Hingga 2014

Bil.	Projek	Kos Projek (RM Juta)	Siap Dalam Tempoh	Siap Dengan Lanjutan Masa
1	Kerja-Kerja Pengukuran Tanah Tanaman Kelapa Sawit	0.21	√	
2	Kerja-Kerja Membaikpulih Padang Stadium Hoki Seremban 2	1.67	√	
3	Kerja-Kerja Pemasangan Pintu Rintangan Api	0.06	√	
4	Pembinaan Loji Kumbahan Berpusat Di Institut Teknologi YNS	0.60		√
5	Kerja-Kerja Mengecat Bangunan YNS	0.42		√
Jumlah		2.96	3	2

Sumber: YNS

2.4.4.2. Tatacara Perolehan Kerja

- a. Pengurusan dan pentadbiran projek YNS perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan dan syarat kontrak yang telah dimeterai seperti menyediakan dokumen kontrak, mengemukakan bon pelaksanaan dan polisi insurans, menepati tempoh kontrak, spesifikasi dan perkara lain yang berkaitan dengan pengurusan kontrak.
- b. Semakan Audit terhadap 5 fail projek kerja YNS bagi tahun 2012 hingga 2014 mendapati YNS telah mematuhi proses perolehan kerja mengikut peraturan yang telah ditetapkan kecuali kontrak pelantikan perunding tidak disediakan, inden kerja

tidak dikeluarkan dan kelulusan lanjutan masa serta Sijil Perakuan Siap tidak dikemukakan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.10**.

Jadual 2.10
Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan Berhubung Dengan Tatacara Perolehan Kerja

Tahun	Peraturan Tatacara Perolehan Kerja																			
	a	b	c	d	e	f	g	h	i	j	k	l	m	n	o	p	q	r	s	t
2012	√	3	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	6	√	√	√	√	√	√
2013	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	1	√	√	√	√	√	√
2014	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√

Sumber: YNS

Nota: √ - Semua Mematuhi Angka – Bilangan Sampel Yang Tidak Mematuhi

- a. Surat Pelantikan Perunding Dikeluarkan
- b. Kontrak Pelantikan Perunding Disediakan.
- c. Disenaraikan Dalam Borang Jadual
- d. Tender/Sebut Harga Mengikut Nama Penender
- e. Surat Tawaran Sebut Harga Dihantar Kepada Pembekal
- f. Pembekal Berdaftar Dengan Kementerian Kewangan.
- g. Maklumat Mengenai Pertimbangan Dan Keputusan Sebut Harga Difailkan
- h. Ahli Jawatankuasa Dilantik Oleh Pegawai Pengawal Secara Bertulis.
- i. Surat Setuju Diterima Dikeluarkan
- j. Kontrak Dibuat Atas Nama Kerajaan Dan Ditandatangani Oleh Pegawai Yang Diberi Kuasa
- k. Syarat Perjanjian Kontrak Disemak Dan Diluluskan Oleh Penasihat Undang-Undang
- l. Bon Pelaksanaan Dikenakan Dan Dikutip Mengikut Kadar Yang Sepatutnya
- m. Kontrak Ditandatangani Dalam Tempoh 4 Bulan Dari Tarikh Keluarnya Surat Setuju Terima
- n. Inden Kerja Dikeluarkan
- o. EOT Dengan Kelulusan
- p. Perakuan Semakan Kerja Dibuat
- q. Bayaran Dibuat Kepada Syarikat Berdasarkan Pesanan Tempatan Berserta Invois
- r. Bil Dibayar Dalam Tempoh 14 Hari
- s. Had Perolehan Dipatuhi
- t. Dokumen Sokongan Lengkap

2.4.4.3. Kontrak Pelantikan Perunding Tidak Disediakan

- a. Berdasarkan 1PP-PK 3.3/2013 berkaitan perolehan perkhidmatan perunding, pelantikan perunding bagi projek Kerajaan hendaklah dimeterai dengan perjanjian/kontrak dan mengguna pakai format perjanjian piawai yang telah disediakan bagi semua perolehan perkhidmatan perunding tanpa mengira nilai. Semakan Audit terhadap 4 projek YNS mendapati 3 daripadanya telah menggunakan khidmat perunding melibatkan kos perunding sejumlah RM0.17 juta. Proses pemilihan perunding telah dibuat secara lantikan terus dan dibuat dengan teratur mengikut prosedur yang ditetapkan. Bagaimanapun pelantikan perunding bagi 3 projek seperti di **Jadual 2.11** hanya dibuat dengan mengeluarkan surat lantikan tanpa memeterai perjanjian formal.

Jadual 2.11
Projek YNS Yang Menggunakan Khidmat Perunding Tetapi Tidak Disediakan Kontrak Formal
Bagi Tempoh 2012 Hingga 2014

Bil.	Projek	Tarikh Surat Lantikan Dikeluarkan	Kos Projek (RM Juta)	Kos Perunding (RM Juta)
1	Pembinaan Loji Kumbahan Berpusat Di Institut Teknologi YNS	26.8.2011	0.60	0.05
2	Kerja-Kerja Mengecat Bangunan YNS	26.9.2011	0.42	0.03
3	Kerja-kerja Membaikpulih Stadium Hoki Seremban 2	21.9.2011	1.67	0.09
Jumlah			2.69	0.17

Sumber: YNS

- b. Menurut maklum balas YNS yang bertarikh 24 Ogos 2015, pihak YNS akan memastikan teguran ini tidak akan berulang di masa akan datang dengan menyediakan kontrak formal antara YNS dan perunding.

2.4.4.4. Inden Kerja Tidak Dikeluarkan Bagi Perolehan Kerja

- a. Inden Kerja merupakan satu dokumen rasmi Kerajaan yang dikeluarkan oleh sesebuah jabatan kepada kontraktor untuk tujuan melaksanakan sesuatu kerja sepertimana dinyatakan dalam Inden Kerja tersebut. Bagi pembayaran berperingkat, salinan baucar bayaran dan salinan Inden perlu disertakan. Mengikut AP 179.1(b) dan (c) pula Inden Kerja hendaklah dikeluarkan bagi setiap perolehan kerja. Berdasarkan Manual Prosedur Kewangan YNS untuk tujuan Belian Am pula, hanya Pesanan Tempatan perlu dikeluarkan. Semakan Audit mendapati sebanyak 7 perolehan kerja berjumlah RM16,091 tidak dikeluarkan Inden Kerja atau Pesanan Tempatan seperti di **Jadual 2.12**.

Jadual 2.12
Inden Kerja Tidak Dikeluarkan Bagi Perolehan Kerja Bagi Tahun 2012 Hingga 2013

Bil.	No. Baucar/ Tarikh	Perihal Bayaran	Nilai Baucar (RM)
1	937/2012/ 2.4.2012	Bayaran Bagi Kerja Membaikpulih Rumah Pangsa (Delima) Di Sebelah Penjara	2,422
2	1291/2012/ 22.5.2012	Bayaran Bagi Mengganti Paip Air Buangan Di Tandas Lelaki Tingkat Bawah Bangunan YNS	750
3	2291/2012/ 4.9.2012	Bayaran Kerja-Kerja Membaikpulih Tempat Penutup Longkang Yang Rosak Di Asrama NSSDC Dan Belakang Bangunan YNS	1,800
4	2661/2012/ 9.10.2012	Bayaran Bagi Kerja-Kerja Pembaikan Lampu Limpah Untuk Logo YNS Di Bumbung Serta Di Bawah Bangunan YNS	1,590
5	2904/2012/ 1.11.2012	Bayaran Membekal Dan Memasang 2 Unit Telefon Talian Terus Untuk Bahagian Pendidikan Tingkat 11 Di YNS.	600
6	3358/2012/ 11.12.2012	Bayaran Bagi Membaiki Kerosakan Litar Pintas Di Skrin <i>Led Display Board</i>	6,969
7	347/2013/ 20.2.2013	Bayaran Kerja-Kerja Pemasangan Tombol Pintu Baru Dan Selinder Kunci Jenis 15 Pin Untuk Bilik Pengarah Dan Setiausaha	1,960
Jumlah			16,091

Sumber: YNS

- b. **Menurut maklum balas YNS yang bertarikh 24 Ogos 2015, berdasarkan Manual Prosedur Kewangan YNS untuk tujuan Belian Am, hanya Pesanan Tempatan perlu dikeluarkan dan YNS tidak pernah menggunakan Inden Kerja. Bagaimanapun YNS akan menambah baik prosedur kewangan sedia ada di masa akan datang.**

Pada pendapat Audit, perolehan kerja YNS adalah sangat baik kerana 90% kriteria tatacara perolehan kerja yang ditetapkan telah dipatuhi.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik pelaksanaan perolehan, adalah disyorkan Yayasan Negeri Sembilan (YNS) mengambil tindakan seperti berikut:

2.5.1. Memastikan perolehan dibuat mengikut peraturan berkaitan perolehan yang berkuat kuasa. Sekiranya peraturan ini tidak dapat dipenuhi, pihak YNS bolehlah menambah baik *Standard Operating Procedure* sedia ada untuk digunakan oleh YNS dalam membuat perolehan.

2.5.2. Kontrak formal bagi setiap perolehan bermasa bekalan dan perkhidmatan serta lantikan perunding hendaklah disediakan dengan lengkap dan pelanjutan tempoh kontrak perkhidmatan diberi sekali sahaja untuk tempoh tidak melebihi tempoh 2 tahun dengan tidak melibatkan perubahan kadar harga serta kontrak bernilai melebihi RM200,000 dikenakan bon pelaksanaan.

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN PERBADANAN WAKAF NEGERI SEMBILAN SDN. BHD.

3. PENGURUSAN HARTANAH WAKAF

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Seksyen 5, Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 telah menetapkan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (Majlis) adalah sebagai pemegang amanah tunggal ke atas mana-mana harta yang diwakafkan yang terletak di dalam Negeri Sembilan. Manakala Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan Sdn. Bhd. (PWNS) yang ditubuhkan pada 10 Jun 2005 adalah bertujuan untuk menguruskan hartanah wakaf secara profesional dan teratur. Antara aktiviti yang dilaksanakannya adalah seperti Pengurusan Harta Wakaf, Klinik dan Pusat Dialisis Wakaf An-Nur, Projek Wakaf Mart dan Bazar Wakaf, Skim Wakaf Tunai dan Skim Wakaf Al-Quran.

3.1.2. Wakaf ialah pemberian harta daripada orang awam seperti tanah, bangunan dan wang kepada Pemegang Amanah untuk kebajikan pihak yang ditentukan serta masyarakat Islam keseluruhannya. Harta wakaf terbahagi kepada dua jenis iaitu Wakaf Ahli (Wakaf Keluarga) dan Wakaf Khairi (Wakaf Kebajikan). Wakaf Ahli dikhususkan manfaatnya kepada ahli keluarga dan keturunannya. Wakaf Khairi pula terbahagi kepada Wakaf Khas dan Wakaf Am. Wakaf Khas adalah wakaf yang telah ditentukan penggunaannya oleh pewakaf dan manfaatnya hanya boleh digunakan untuk tujuan tertentu yang telah dikhaskan sahaja. Wakaf Am pula adalah wakaf yang tidak dikhaskan bagi tujuan tertentu dan boleh diusahakan untuk apa jua pembangunan yang memberi pulangan kepada Majlis Agama Islam Negeri Sembilan dan manfaat kepada masyarakat Islam.

3.1.3. Sehingga akhir tahun 2014, sebanyak 51 permohonan wakaf bagi 7 daerah di seluruh Negeri Sembilan berkeluasan 29.4 hektar yang melibatkan tanah dan bangunan kediaman seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Senarai Hartanah Wakaf Mengikut Daerah
Sehingga Akhir Tahun 2014

Bil.	Daerah	Jumlah	Jumlah Keluasan (Hektar)
1	Jelevu	6	4.09
2	Seremban	16	8.3
3	Jempol	5	1.96
4	Rembau	2	1.53
5	Tampin	7	4.82
6	Kuala Pilah	10	5.18
7	Port Dickson	5	3.52
Jumlah		51	29.4

Sumber: Majlis Agama Islam Negeri Sembilan

3.1.4. Majlis juga telah menerima sumbangan Wakaf Al-Quran, sumbangan Wakaf Tunai, sewa Wakaf Mart dan Bazar Wakaf serta hasil daripada Klinik dan Pusat Dialisis Wakaf An-Nur bagi tahun 2014 berjumlah RM 746,306 seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Terimaan Wakaf Bagi Tahun 2014

Bil.	Jenis Terimaan	Jumlah Terimaan (RM)
1	Wakaf Al-Quran	4,450
2	Wakaf Tunai	154,066
3	Sewa Wakaf Mart dan Bazar Wakaf	8,420
4	Klinik Wakaf An-Nur	34,925
5	Pusat Dialisis Wakaf An-Nur	544,445
Jumlah		746,306

Sumber: Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan Sdn. Bhd.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada pengurusan hartanah wakaf Majlis Agama Islam Negeri Sembilan telah diurus dengan teratur, cekap dan berkesan selaras dengan Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek terimaan hartanah bagi tujuan wakaf, pengurusan dan penggunaan hartanah wakaf bagi tempoh 2012 hingga 2014. Pengauditan ini dijalankan di Majlis Agama Islam Negeri Sembilan dan Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan Sendirian Berhad. Metodologi pengauditan adalah dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan, temu bual dengan pegawai yang berkenaan dan lawatan fizikal ke hartanah wakaf yang dipilih. *Exit Conference* bersama Setiausaha Majlis dan Pemangku Pengurus PWNS telah diadakan pada 25 Ogos 2015.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Ogos 2015 mendapati pengurusan hartanah wakaf di Negeri Sembilan telah memberi manfaat kepada penduduk setempat. Bagaimanapun pelaksanaan pengurusan hartanah wakaf kurang memuaskan atas faktor-faktor berikut:

- Hanya sebahagian kecil tanah-tanah wakaf telah dibangunkan.
- Pembangunan hartanah bukan di atas tanah wakaf.
- Penyewaan hartanah wakaf tanpa perjanjian.
- Terdapat premis wakaf yang tidak diselenggarakan.
- Hartanah wakaf tidak diwartakan.

3.4.1. Prestasi Pembangunan Hartanah Wakaf Rendah

3.4.1.1. Pembangunan tanah wakaf hendaklah dibuat mengikut syarat pewakaf dan pembangunannya dapat dimanfaatkan oleh masyarakat Islam. Seksyen 12(3)(b) di bawah kuasa Majlis untuk istibdal menyatakan jika Majlis tidak boleh melaksanakan mana-mana syarat yang ditetapkan oleh pewakaf, Majlis hendaklah menentukan apa-apa cara lain untuk melaksanakan wakaf itu dengan cara yang sehampir mungkin sama dengan syarat yang ditetapkan oleh pewakaf. Manakala seksyen 33 (1) Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 menyatakan Majlis, atas nasihat Panel Penasihat, boleh - (a) melantik mana-mana orang yang dianggap dengan munasabah oleh Majlis sebagai kompeten dan berkelayakan untuk menguruskan dan membangunkan mana-mana harta wakaf.

3.4.1.2. Pemeriksaan Audit mendapati sehingga akhir tahun 2014, hanya 3.90 hektar atau 13.3% daripada 29.4 hektar keseluruhan keluasan tanah wakaf yang dipindah milik atas nama Majlis telah dibangunkan. Kelulusan pembangunan ini hanya dibuat oleh Majlis memandangkan Panel Penasihat Pengurusan Wakaf masih belum dilantik. Manakala baki 25.50 hektar atau 86.7% tanah wakaf masih belum dibangunkan. Daripada jumlah tersebut 21.11 hektar adalah tanah wakaf am. Butiran lanjut bagi tanah yang dibangunkan adalah seperti di **Jadual 3.3** dan **Gambar 3.1** hingga **Gambar 3.3**. Manakala tanah yang belum dibangunkan adalah seperti di **Gambar 3.4**. hingga **Gambar 3.6**.

Jadual 3.3
Senarai Pembangunan Di Atas Tanah Wakaf Di Negeri Sembilan

Bil.	No Lot	Mukim/ Daerah	Jenis Wakaf	Aktiviti Tanah	Agensi Bertanggung jawab	Keluasan Tanah (hektar)
1	Lot 20019	Ulu Klawang, Jelevu	Wakaf Khas Madrasah	Pembinaan Sebuah Madrasah	Madrasah Al- Hikmah	0.48
2	Lot 26626	Bandar Seremban Utama	Wakaf Khas Masjid	Masjid Hussain Seremban 2	Pewakaf	2.24
3	Lot 3446	Pekan Shah Bandar	Wakaf Am Rumah	Rumah Sewa	Pewakaf	0.02
4	Lot 1300	Pekan Teluk Kemang, Port Dickson	Wakaf Am Rumah	Rumah Sewa	Pewakaf	0.01
5	Lot 5940	Mukim Linggi, Port Dickson	Wakaf Khas Pusat Pengajian Islam	Pembinaan Pusat Pengajian Islam	Kompleks Pengajian Anak Yatim & Warga Emas Darul Widad	1.15
Jumlah						3.90

Sumber: Majlis Agama Islam Negeri Sembilan

Gambar 3.1
Tanah Wakaf Khas Madrasah Sedang
Dibangunkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 20019, Ulu Klawang, Jelebu
Tarikh: 11 Jun 2015

Gambar 3.2
Tanah Wakaf Khas Masjid Telah
Dibangunkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 26626, Bandar Seremban Utama,
Seremban
Tarikh: 2 Julai 2015

Gambar 3.3
Wakaf Rumah Yang Disewakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 3446, Pekan Shah Bandar,
Seremban
Tarikh: 27 April 2015

Gambar 3.4
Tanah Wakaf Tidak Dibangunkan




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 20018, Ulu Klawang, Jelebu
Tarikh: 11 Jun 2015

Gambar 3.5
Tanah Wakaf Masjid Tidak Dibangunkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 5175, Lenggeng, Seremban
Tarikh: 11 Jun 2015

Gambar 3.6
Tanah Wakaf Khas Masjid Tidak
Dibangunkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 6712, Lenggeng, Seremban
Tarikh: 11 Jun 2015

3.4.1.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati Majlis atau PWNS belum menyediakan sebarang bentuk perancangan pembangunan ke atas tanah-tanah wakaf tersebut khasnya bagi Wakaf Am.

3.4.1.4. **Maklum balas daripada Majlis dan PWNS bertarikh 25 Ogos 2015, menyatakan PWNS tiada kemampuan dari segi sumber manusia untuk membuat perancangan bagi membangunkan hartanah wakaf. Walau bagaimanapun, pihak PWNS akan mengemas kini maklumat hartanah dari semasa ke semasa bagi membangunkan hartanah wakaf pada masa hadapan.**

Pada pendapat Audit, pembangunan hartanah wakaf masih rendah kerana sebahagian kecil sahaja yang telah dibangunkan. Perancangan menyeluruh bagi mengenal pasti potensi semasa hartanah wakaf yang boleh dimajukan perlu dibuat bagi menambah nilai hartanah wakaf sedia ada.

3.4.2. Pembangunan Hartanah Wakaf Bukan Di Atas Tanah Wakaf

3.4.2.1. Mengikut seksyen 340, Kanun Tanah Negara, pendaftaran tanah wakaf merupakan elemen yang sangat penting dalam pembangunan hartanah wakaf. Seksyen 32 (2), Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 menyatakan apa-apa harta wakaf yang telah dibangunkan semula hendaklah kekal sebagai harta wakaf. Majlis dengan kerjasama Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji (JAWHAR) telah membina bangunan-bangunan wakaf yang bernilai RM10.05 juta di atas tanah milik Majlis dan tanah masjid di sekitar Negeri Sembilan.

3.4.2.2. Semakan Audit mendapati pembangunan yang menggunakan dana wakaf dari JAWHAR dan Majlis telah dibuat bukan di atas tanah wakaf. Terdapat pembangunan yang dibuat di atas tanah milik atau aset Majlis dan terdapat pembangunan yang dibuat di atas tanah masjid yang masih belum diberi milik sebagai tanah wakaf. Butiran lanjut seperti di **Jadual 3.4** dan **Gambar 3.7** hingga **Gambar 3.11**.

Jadual 3.4
Pembangunan Bukan Di Atas Tanah Wakaf Di Negeri Sembilan

Bil.	Bangunan	Pemilik Tanah	Kos (RM Juta)
1	Kompleks Al-Sa'adah (Gambar 3.7)	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	9.45
2	Wakaf Mart Pancor Jaya (Gambar 3.8)	Masjid Kariah Pancor Jaya, Seremban	0.13
3	Wakaf Mart Tampin	Masjid Jamek Tunku Besar Tampin, Tampin	0.12
4	Wakaf Mart Gemas (Gambar 3.9)	Masjid Kariah Pekan Gemas	0.12
5	Bazar Wakaf Rasah Jaya (Gambar 3.10)	Masjid Kariah Rasah Jaya, Seremban	0.23
6	Bazar Wakaf Felda Jelai 4	Masjid Kariah Felda Jelai, Gemas	TM
7	Bazar Wakaf Kuala Pilah (Gambar 3.11)	Masjid Jamek Yam Tuan Raden, Kuala Pilah	TM
Jumlah			10.05

Sumber: Majlis Agama Islam Negeri Sembilan

Nota: TM: Tiada Maklumat

Gambar 3.7
Pembangunan Kompleks Al-Sa'adah Bukan Di Atas Tanah Wakaf



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompleks Al-Sa'adah, Seremban
Tarikh: 29 Jun 2015

Gambar 3.8
Pembangunan Wakaf Mart Bukan Di Atas Tanah Wakaf



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Wakaf Mart Pancor Jaya
Tarikh: 27 April 2015

Gambar 3.9
Pembangunan Wakaf Mart Bukan Di Atas Tanah Wakaf



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Wakaf Mart, Gemas
Tarikh: 12 Mei 2015

Gambar 3.10
Pembangunan Bazar Wakaf Bukan Di Atas Tanah Wakaf



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bazar Wakaf Rasah Jaya
Tarikh: 27 April 2015



Gambar 3.11
Pembangunan Bazar Wakaf Bukan Di
Atas Tanah Wakaf

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bazar Wakaf Kuala Pilah
Tarikh: 12 Mei 2015

3.4.2.3. Maklum balas daripada Majlis dan PWNS bertarikh 25 Ogos 2015, menyatakan pembangunan tanah bagi Wakaf Mart dan Bazar Wakaf MAINS di masjid-masjid yang terlibat telah mendapat persetujuan daripada pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) melalui Pegawai Agama Daerah di setiap daerah. Ini adalah kerana status tanah tersebut merupakan rizab Kerajaan di bawah kawalan Pengarah JHEAINS. Walau bagaimanapun, pihak PWNS sedang berusaha untuk memohon menukar status tanah rizab Kerajaan ke status tanah wakaf milik Majlis.

Pada pendapat Audit, Majlis perlu memastikan setiap pembangunan wakaf dibuat di atas tanah yang telah diwakafkan dan berusaha untuk memohon menukar status tanah rizab Kerajaan ke status tanah wakaf milik Majlis.

3.4.3. Perjanjian Penyewaan Hartanah Wakaf

3.4.3.1. Sewaan merupakan salah satu punca pendapatan yang diperoleh daripada harta wakaf. Pengurusan sewa yang baik akan dapat memastikan punca pendapatan yang berterusan. Seksyen 16 Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 menyatakan Majlis berhak menggunakan apa-apa amaun sewa atau nilai, termasuk hasil, yang diperoleh daripada apa-apa harta wakaf untuk membayar apa-apa kos yang perlu atau bersampingan dengannya bagi pentadbiran harta wakaf itu tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh pewakaf melainkan jika syarat itu bercanggah dengan Hukum Syarak. Kadar sewa bagi Bazar Wakaf, Wakaf Mart dan Rumah Sewa telah ditetapkan antara RM100 hingga RM500 bagi tahun 2014. Kenaikan terakhir kadar sewa semasa telah dilaksanakan pada 10 April 2014 bagi premis tertentu.

3.4.3.2. Semakan Audit mendapati 3 unit Wakaf Mart dan 3 unit Bazar Wakaf yang dibangunkan oleh Majlis dengan kerjasama JAWHAR di atas tanah milik masjid, tidak mempunyai perjanjian di antara Majlis dan pihak masjid yang berkenaan. Kutipan sewa Wakaf Mart dan Bazar Wakaf tahun 2014 berjumlah RM8,420 telah dikreditkan ke Kumpulan Wang Wakaf oleh PWNS. Tiada perjanjian bertulis yang menyatakan kadar sewaan berkenaan yang perlu dibahagikan antara pihak masjid dan Majlis.

3.4.3.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati terdapat 2 premis wakaf yang tidak disewakan iaitu Bazar Wakaf Felda Jelai 4 yang telah kosong semenjak tahun 2014 hingga Jun 2015. Manakala apartmen di Pekan Telok Kemang tidak disewakan semenjak Ogos 2008.

3.4.3.4. Maklum balas daripada Majlis dan PWNS bertarikh 25 Ogos 2015, menyatakan pembahagian sewaan kepada pihak masjid sebanyak 40% adalah berpandukan kepada Mesyuarat Lembaga Pengarah MAINS Holdings Sdn. Bhd. Bil. 1 Tahun 2012 di mana kali terakhir pembayaran dibuat adalah pada tahun 2012. Manakala PWNS telah mengambil inisiatif dengan mengiklankan kepada ahli kariah yang ingin menyewa premis di Bazar Wakaf Felda Jelai 4 namun tidak mendapat sambutan. PWNS juga sedang berbincang dengan pihak FELDA dan GIAT MARA untuk ditawarkan kepada para usahawan. Apartmen di Pekan Telok Kemang, Port Dickson yang berada di tingkat 9 masih lagi belum dapat disewakan. Tingkat 3 hingga tingkat 14 apartmen berkenaan juga masih tidak berpenghuni.

Pada pendapat Audit, Majlis dan PWNS hendaklah memastikan hartanah wakaf yang dibina dapat disewakan supaya memberi pulangan yang terbaik kepada Majlis.

3.4.4. Terdapat Premis Wakaf Yang Tidak Disenggarakan

3.4.4.1. Penyenggaraan hartanah wakaf perlu dilakukan bagi memastikan ianya dapat digunakan secara berterusan dan selamat, memanjangkan jangka hayat dan memelihara imej Majlis. Seksyen 27 (1)(c) Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 menyatakan hasil daripada kutipan wang wakaf boleh dibelanjakan bagi membiayai penyenggaraan dan pembangunan hartanah wakaf.

3.4.4.2. PWNS akan menjalankan kerja-kerja pembaikan terhadap sebarang kerosakan yang berlaku terhadap harta wakaf berdasarkan aduan yang diterima daripada penyewa ataupun pengguna wakaf tersebut. Aduan yang diterima kemudiannya akan dibawa ke Majlis bagi tujuan kelulusan peruntukan dan pelaksanaan kerja-kerja pembaikan. Semakan Audit mendapati tiada sebarang rekod berkaitan aduan atau laporan kerosakan yang disimpan oleh Majlis dan PWNS.

3.4.4.3. Lawatan Audit pada 12 Mei 2015 ke Bazar Wakaf Masjid Jamek Yam Tuan Raden, Kuala Pilah dan pada 27 April 2015 ke tapak Wakaf Mart Panchor Jaya dan Bazar Wakaf Rasah Jaya telah menemui beberapa kerosakan seperti siling di dalam bazar hampir terjatuh, longkang tersumbat, siling diresapi air di bahagian tandas, mangkuk tandas tidak dipasang dengan sempurna, sisa pembinaan dan pendawaian elektrik tidak kemas. Keadaan hartanah wakaf yang dilawati adalah seperti di **Gambar 3.12** hingga **Gambar 3.18**.

Gambar 3.12
Siling Di Dalam Bazar Hampir Jatuh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bazar Wakaf Masjid Jamek Yam
Tuan Raden, Kuala Pilah
Tarikh: 12 Mei 2015

Gambar 3.13
Longkang Tersumbat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bazar Wakaf Masjid Jamek Yam
Tuan Raden, Kuala Pilah
Tarikh: 12 Mei 2015

Gambar 3.14
Siling Diresapi Air Di Bahagian Tandas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bazar Wakaf Masjid Jamek Yam
Tuan Raden, Kuala Pilah
Tarikh: 12 Mei 2015

Gambar 3.15
Sisa Pembinaan Ditinggalkan Di Hadapan Wakaf Mart



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Wakaf Mart Panchor Jaya
Tarikh: 27 April 2015

Gambar 3.16
Pendawaian Elektrik Tidak Kemas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Wakaf Mart Panchor Jaya
Tarikh: 27 April 2015

Gambar 3.17
Longkang Tersumbat Di Bazar Wakaf



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bazar Wakaf Rasah Jaya
Tarikh: 27 April 2015



Gambar 3.18
Peralatan Rosak Diletakkan
Di Belakang Bazar

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bazar Wakaf Rasah Jaya
Tarikh: 27 April 2015

3.4.4.4. Maklum balas daripada Majlis dan PWNS bertarikh 25 Ogos 2015, menyatakan PWNS akan berusaha untuk membuat penyenggaraan berdasarkan aduan dan juga pemantauan terhadap aduan kerosakan yang diterima oleh Majlis atau PWNS. Pihak PWNS juga telah membuka satu fail khas bagi aktiviti penyenggaraan di Bazar Wakaf dan Wakaf Mart MAINS.

Pada pendapat Audit, Majlis dan PWNS hendaklah menyenggarakan hartanah wakaf supaya hartanah sentiasa berada dalam keadaan yang baik.

3.4.5. Kelemahan Pentadbiran Wakaf

3.4.5.1. Pelantikan Pendaftar Wakaf Dan Penubuhan Panel Penasihat Pengurusan Wakaf Tidak Dilaksanakan

- a. Seksyen 18 Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 menyatakan Majlis hendaklah melantik seorang Pendaftar Wakaf, Timbalan Pendaftar Wakaf dan pegawai-pegawai lain yang perlu bagi melaksanakan pengurusan hartanah. Seksyen 21 pula menyatakan Majlis hendaklah menubuhkan suatu Panel Penasihat Pengurusan Wakaf yang dipengerusikan oleh Mufti, dan keahliannya terdiri daripada Timbalan Pengerusi dari kalangan anggota Majlis, Setiausaha Majlis, seorang anggota jawatankuasa yang dinamakan oleh Jawatankuasa Fatwa, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan, dan tidak kurang 3 anggota lain yang dilantik Majlis atas syor Pengerusi.
- b. Pemeriksaan Audit mendapati tiada Pendaftar Wakaf dan Timbalan Pendaftar Wakaf yang dilantik dan penubuhan Panel Penasihat Pengurusan Wakaf masih tidak dilaksanakan oleh Majlis bagi tujuan melaksanakan tanggungjawab yang telah digariskan di dalam Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005. **Maklum balas daripada Majlis dan PWNS bertarikh 25 Ogos 2015, menyatakan Mesyuarat MAINS kali ke-226 yang bersidang pada 31 Mac 2015 telah bersetuju dengan cadangan pelantikan Pendaftar dan Timbalan Pendaftar Wakaf yang dibawa dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah PWNS. Manakala bagi penubuhan**

Panel Penasihat Pengurusan Wakaf pihak Majlis dalam proses mengenal pasti ahli jawatankuasa yang berkelayakan.

3.4.5.2. Hartanah Wakaf Tidak Diwartakan

- a. Seksyen 20 Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 menyatakan dengan seberapa segera yang boleh dilaksanakan selepas 31 Disember pada tiap-tiap tahun, Pendaftar hendaklah menyiarkan dalam Warta suatu senarai tentang semua harta wakaf yang diletakhakkan kepada Majlis.
- b. Semakan Audit mendapati Majlis tidak mewartakan semua hartanah wakaf yang telah didaftarkan. **Maklum balas daripada Majlis dan PWNS bertarikh 25 Ogos 2015, menyatakan PWNS mengambil maklum akan keperluan pewartaan tersebut. Namun disebabkan kekangan kakitangan daripada pihak PWNS, pewartaan tersebut tidak dapat dilaksanakan.**

3.4.5.3. Daftar Hartanah Wakaf Tidak Lengkap Dan Kemas Kini

- a. Seksyen 6, Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 menyatakan Majlis hendaklah mendaftarkan hartanah wakaf mengikut apa-apa kaedah yang ditetapkan oleh Majlis. Majlis mempunyai 2 kaedah perekodan bagi hartanah wakaf iaitu hartanah wakaf yang direkodkan dalam sistem kewangan Majlis dan hartanah wakaf yang disenaraikan secara manual.
- b. Semakan Audit mendapati bilangan sebenar senarai hartanah wakaf tidak dapat ditentukan berikutan perbezaan maklumat di antara kedua-dua rekod. Butiran lanjut seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5
Bilangan Hartanah Wakaf Mengikut Kaedah Perekodan

Harta Wakaf	Kaedah Perekodan		Perbezaan
	Hartanah Direkodkan Dalam Sistem Kewangan Majlis	Hartanah Yang Direkodkan Secara Manual	
Bangunan	6	7	-1
Tanah & Bangunan	36	30	6
Jumlah	42	37	5

Sumber: Majlis Agama Islam Negeri Sembilan

- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati Senarai Tanah Wakaf Negeri Sembilan yang diselenggarakan oleh Majlis secara manual hanya merekodkan 30 bidang tanah wakaf dengan keluasan 18.06 hektar. Semakan ke atas fail wakaf individu mendapati 21 bidang tanah wakaf dengan keluasan 11.34 hektar masih belum direkodkan. Ini

menjadikan keluasan tanah wakaf Majlis adalah berjumlah 29.4 hektar. Butiran lanjut berkaitan Hartanah Wakaf yang tidak direkodkan adalah seperti di **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6
Hartanah Wakaf Yang Tidak Direkodkan Mengikut Daerah

Bil.	Daerah	Tanah Wakaf Yang Tidak Direkodkan	
		Bilangan	Luas (Hektar)
1	Jejebu	2	0.97
2	Seremban	5	3.21
3	Jempol	3	0.55
4	Rembau	2	1.53
5	Tampin	3	2.74
6	Kuala Pilah	5	1.52
7	Port Dickson	1	0.82
Jumlah		21	11.34

Sumber: Majlis Agama Islam Negeri Sembilan

- d. Pihak Audit mendapati pihak Majlis dan PWNS tidak ada menyelenggara satu rekod berpusat yang dengan jelas menunjukkan kedudukan Hartanah Wakaf di Negeri Sembilan. Rekod yang lengkap dan berpusat adalah perlu memandangkan terdapat lebih dari satu pihak yang menguruskan Hartanah Wakaf di Negeri Sembilan iaitu Majlis dan PWNS. Pada masa yang sama rekod berpusat tersebut akan memudahkan urusan pemantauan oleh Majlis selaku Pemegang Amanah Tunggal.
- e. **Maklum balas daripada Majlis dan PWNS bertarikh 25 Ogos 2015, menyatakan pada masa kini rekod di dalam Sistem Kewangan Majlis dan rekod secara manual mempunyai perbezaan. Walau bagaimanapun, PWNS telah mengambil inisiatif dengan memohon salinan rekod hartanah wakaf di bawah seliaan Majlis untuk dikemaskinikan.**

3.4.5.4. Dokumen Berkaitan Pembangunan Hartanah Wakaf Dan Borang Permohonan Pewakaf Tidak teratur

- a. Pengurusan dokumen yang cekap dan teratur adalah penting bagi memudahkan pengurusan dan pemantauan dijalankan. Pengurusan dokumen terdiri daripada penyediaan, penyimpanan, penghantaran, dan pemusnahan dokumen tersebut. Selain itu, setiap permohonan untuk mewakafkan harta perlu mengisi borang yang ditetapkan oleh Majlis.
- b. Semakan Audit terhadap fail berkaitan mendapati dokumen seperti kelulusan pembinaan/pelan dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Perakuan Sijil Layak Menduduki, Lukisan Terbina (*As-Built Drawing*) dan kelulusan dari Jabatan Teknikal tidak terdapat di dalam rekod Majlis. Butiran lanjut dokumen yang tiada dalam simpanan Majlis adalah seperti di **Jadual 3.7**.

Jadual 3.7
Dokumen Berkaitan Pembinaan Bangunan Wakaf Yang Tiada Dalam Rekod Majlis

Bil.	Bangunan	Pihak Bertanggungjawab
1	Kompleks Al-Sa'adah	Majlis/JAWHAR
2	Wakaf Mart Pancor Jaya	Majlis/JAWHAR
3	Wakaf Mart Tampin	Majlis/JAWHAR
4	Wakaf Mart Gemas	Majlis/JAWHAR
5	Bazar Wakaf Rasah Jaya	Majlis/JAWHAR
6	Bazar Wakaf Felda Jelai 4	Majlis/JAWHAR
7	Bazar Wakaf Kuala Pilah	Majlis/JAWHAR
8	Bangunan Madrasah	Madrasah Al-Hikmah
9	Masjid Hussain Seremban 2	Majlis
10	Pusat Pengajian Islam	Kompleks Pengajian Anak Yatim & Warga Emas Darul Widad (KPAYWEDW)

Sumber: Majlis Agama Islam Negeri Sembilan

- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati semua borang permohonan untuk mewakafkan harta tidak dikawal dengan nombor rujukan dan 14 borang permohonan tidak ada dalam fail pewakaf. Di samping itu, sebanyak 25 fail mempunyai borang permohonan tetapi tidak diisi dengan lengkap seperti tiada tarikh terima borang permohonan, tiada tarikh terima dan tandatangan pewakaf di bahagian lafaz, tiada maklumat saksi serta tiada maklumat ulasan pendaftar wakaf.
- d. **Maklum balas daripada Majlis dan PWNS bertarikh 25 Ogos 2015, menyatakan segala urusan berkaitan pemantauan pembangunan di atas tanah wakaf dijalankan oleh MAINS Holding Sdn. Bhd. dan PWNS akan berusaha mendapatkan salinan maklumat pewakaf dari Majlis untuk mengemaskinikan maklumat berkaitan pewakaf.**

3.4.5.5. Kekurangan Perjawatan Dalam Pengurusan Hartanah Wakaf

- a. Majlis mempunyai Unit Pembangunan Dan Wakaf mengurus pendaftaran hak milik tanah oleh pewakaf dan memantau pembangunan yang dijalankan oleh pihak yang dilantik Majlis. Selain Unit ini, urusan berkaitan wakaf juga diserahkan kepada PWNS yang merupakan anak syarikat kepada MAINS Holding Sdn. Bhd. Pada masa ini PWNS menguruskan segala urusan promosi berkaitan produk-produk wakaf. PWNS juga turut menjalankan aktiviti pemantauan dan penyeliaan kerja-kerja penyenggaraan dan pengurusan aduan berkaitan Harta Wakaf. Perjawatan yang bersesuaian dengan bebanan tugas akan dapat melicinkan pentadbiran sesuatu organisasi.
- b. Semakan Audit mendapati Unit Pembangunan Dan Wakaf Majlis hanya mempunyai 4 pegawai berjawatan tetap yang terdiri daripada Penolong Pegawai Tadbir, Penolong Jurutera, Penolong Pegawai Tanah, dan Pembantu Tadbir. Manakala PWNS hanya memiliki seorang Pemangku Pengurus daripada Majlis, seorang Pegawai Eksekutif berjawatan kontrak dan 5 orang sukarelawan yang membantu operasi PWNS. Keadaan perjawatan sedemikian menyebabkan pengurusan hartanah wakaf tidak

dapat dijalankan dengan baik dan sempurna. Pemeriksaan Audit mendapati PWNS pernah mengemukakan kertas cadangan kepada pihak Lembaga Pengarah PWNS berkaitan penstrukturan semula syarikat bagi tujuan pertambahan perjawatan untuk menampung bebanan kerja yang tinggi.

- c. **Maklum balas daripada Majlis dan PWNS bertarikh 25 Ogos 2015, menyatakan kertas cadangan telah dikemukakan bagi penstrukturan semula syarikat dan ianya dalam pertimbangan Jawatankuasa Perjawatan PWNS.**

Pada pendapat Audit, Majlis dan PWNS perlu menubuhkan Panel Penasihat Pengurusan Wakaf dan pewartaan Senarai Harta Wakaf seperti yang digariskan dalam Enakmen Wakaf.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan dan menambahbaik pengurusan hartanah wakaf di Negeri Sembilan adalah disyorkan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan dan Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan Sendirian Berhad mengambil tindakan seperti berikut:

3.5.1. Mengadakan perancangan yang menyeluruh bagi memastikan hartanah wakaf dibangunkan sejajar dengan niat pewakaf dan pembangunan dibuat di atas tanah yang diberimilik kepada Majlis bagi mengelakkan pertikaian pemilikan.

3.5.2. Memperkemaskan pengurusan sewa dengan mempergiatkan usaha supaya premis wakaf yang kosong dapat disewakan dan disediakan perjanjian penyewaan.

3.5.3. Memastikan pelantikan Pendaftar Wakaf dan Penubuhan Panel Penasihat Pengurusan Wakaf dilaksanakan sepertimana yang digariskan dalam Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 dan memperkasakan struktur organisasi di Bahagian Pengurusan Hartanah Wakaf.

4. NEGERI ROADSTONE SDN. BHD.

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Negeri Roadstone Sdn. Bhd. (NRSB) merupakan sebuah syarikat subsidiari Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan (PKNNS) dan telah ditubuhkan di bawah Akta Syarikat pada 22 April 1974. NRSB mempunyai modal dibenarkan berjumlah RM10.00 juta dan modal berbayar berjumlah RM4.00 juta. PKNNS memegang 51% dan baki 49% unit saham lagi dimiliki oleh 5 syarikat iaitu Pembangunan Bumi Sdn. Bhd. (36.1%), Cekap Sejagat Sdn. Bhd. (7.3%), Koperasi Pekebun Kecil Getah Nasional Berhad (2.7%), Nestin Holding (M) Sdn. Bhd.(2.6%), dan Ahmia Sdn. Bhd. (0.3%).

4.1.2. Aktiviti utama NRSB ialah menjalankan perniagaan penggalian dan jualan batu-batan yang beroperasi di Mukim Setul, Seremban. Jabatan Kerja Raya dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) merupakan pembeli utama bahan batuan dari NRSB. NRSB juga membekalkan bahan batuan bagi projek Landasan Berkembar Keretapi yang menghubungkan laluan kereta api dari Seremban ke Tampin. Selain itu, penubuhan NRSB juga bertujuan bagi menjalankan kerja-kerja pembinaan infrastruktur, penurapan jalan dan kerja-kerja kontrak. Keadaan tapak kuari dan jenis produk batu batan NRSB adalah seperti di **Gambar 4.1** dan **Gambar 4.2**.

Gambar 4.1
Keadaan Tapak Kuari NRSB



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Kuari NRSB
Tarikh: 10 Februari 2015

Gambar 4.2
Jenis Produk Batu-batan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Kuari NRSB
Tarikh: 10 Februari 2015

4.1.3. NRSB dianggotai oleh 5 orang Ahli Lembaga Pengarah dan dipengerusikan oleh wakil PKNNS. Pengurusan NRSB diketuai oleh seorang Pengurus Besar dan dibantu oleh 5 orang kakitangan eksekutif serta 41 orang kakitangan bukan eksekutif yang ditempatkan di pelbagai bahagian. NRSB mempunyai 2 anak syarikat iaitu Roadstone Construction & Development Sdn. Bhd. (RCD) dan Roadstone Construction Sdn. Bhd. (RCSB). RCD

menjalankan aktiviti penyewaan jentera serta penyelenggaraan jalan manakala RCSB menjalankan kerja-kerja kontraktor umum.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan NRSB adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan pengurusan syarikat NRSB ini meliputi prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat NRSB bagi tempoh 2012 hingga 2014. Analisis kewangan adalah berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2012 hingga 2014. Metodologi pengauditan adalah dengan menyemak fail, rekod, minit mesyuarat dan dokumen berkaitan serta pemeriksaan Audit terhadap aset. Selain itu, temu bual dengan pegawai NRSB dan lawatan tapak juga turut dijalankan bagi mendapat gambaran yang tepat mengenai aktiviti syarikat. *Exit Conference* bersama Pengurus Besar NRSB telah diadakan pada 4 Jun 2015.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Januari hingga Mac 2015 mendapati kedudukan kewangan NRSB berada dalam kedudukan sangat baik dengan menunjukkan peningkatan keuntungan terkumpul pada setiap tahun dengan kedudukan keuntungan terkumpul setakat 31 Disember 2014 adalah RM45.31 juta. Manakala pelaksanaan pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah baik. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan telah dikenal pasti seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya, kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Status pajakan tapak kuari di Lot 3733 dan 3734 hampir tamat manakala tapak kuari di Lot 5915 dalam proses lelongan bank masih belum diselesaikan.
- Proses pelupusan terhadap loji premix lama masih belum selesai.

4.4.1. Prestasi Kewangan

4.4.1.1. Analisis Trend

- a. NRSB telah mencatatkan keuntungan selepas cukai bagi 3 tahun berturut-turut iaitu masing-masing berjumlah RM4.62 juta (2012), RM4.61 juta (2013) dan RM5.01 juta (2014) menjadikan keuntungan terkumpul pada akhir tahun 2014 berjumlah RM45.31 juta. Keuntungan berterusan ini antaranya disebabkan permintaan yang tinggi berikutan pembangunan pesat di kawasan sekitar Nilai dan Seremban serta projek

penyelenggaraan jalan yang telah diperoleh oleh NRSB dari Pihak Berkuasa Tempatan.


- b. Pendapatan NRSB dijana daripada hasil jualan batu kuari jenis agregat dan premix dan lain-lain pendapatan. Analisis Audit terhadap trend pendapatan NRSB menunjukkan peningkatan bagi 3 tahun berturut-turut dengan jumlah RM30.92 juta (2012), RM40.55 juta (2013) dan RM47.57 juta (2014).
- c. Perbelanjaan NRSB terdiri daripada kos langsung, kos pentadbiran, kos operasi dan kos kewangan. Ia juga termasuk yuran pengurusan dan perbelanjaan pentadbiran seperti gaji, bayaran juruaudit, elaun setiausaha dan pengarah serta susut nilai. Jumlah perbelanjaan bagi tempoh 3 tahun berturut-turut iaitu masing-masing berjumlah RM25.75 juta, RM33.38 juta dan RM40.25 juta.
- d. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan NRSB bagi tahun kewangan 2012 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 4.1**, **Carta 4.1** dan **Carta 4.2**.

Jadual 4.1
Pendapatan Dan Perbelanjaan Serta Keuntungan NRSB
Tahun Kewangan 2012 Hingga 2014

Butiran	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
Pendapatan Operasi	29.98	39.59	47.04
Lain-lain Pendapatan	0.94	0.96	0.53
Jumlah Pendapatan	30.92	40.55	47.57
Kos Langsung	21.41	27.36	34.85
Kos Pentadbiran	2.75	3.92	2.89
Kos Operasi	1.56	1.87	2.36
Kos Kewangan	0.03	0.23	0.15
Jumlah Perbelanjaan	25.75	33.38	40.25
Keuntungan Sebelum Cukai	5.17	7.17	7.32
Cukai	0.55	2.56	2.31
Keuntungan Selepas Cukai	4.62	4.61	5.01
Keuntungan Terkumpul	36.77	41.01	45.31


Sumber: Penyata Kewangan NRSB bagi tahun 2012 Hingga 2014

Carta 4.1
Trend Keuntungan Sebelum Cukai Dan Keuntungan Terkumpul Tahun Kewangan 2012 Hingga 2014



Sumber: Penyata Kewangan NRSB

Carta 4.2
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan Tahun Kewangan 2012 Hingga 2014



Sumber: Penyata Kewangan NRSB

4.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan NRSB, beberapa nisbah kewangan telah dianalisis bagi tempoh 2012 hingga 2014. Hasil analisis Nisbah Semasa, Margin Untung Bersih, Pulangan Ke Atas Aset dan Pulangan Ke Atas Ekuiti adalah seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Analisis Nisbah Kewangan NRSB Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Bil.	Butiran	Tahun Kewangan		
		2012	2013	2014
a.	Nisbah Semasa	4.08:1	4.39:1	3.24:1
b.	Margin Untung Bersih	15.44%	11.62%	10.67%
c.	Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.09:1	0.08:1	0.08:1
d.	Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	1.15:1	1.14:1	1.25:1

Sumber: Penyata Kewangan NRSB

a. Nisbah Semasa

Nisbah ini digunakan untuk mengukur tahap kecairan kewangan syarikat dan menunjukkan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat yang boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Pada umumnya semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan sesebuah syarikat. Analisis Audit mendapati kadar nisbah semasa NRSB bagi tahun kewangan 2012 hingga 2014 adalah antara 3.24 hingga 4.39. Berdasarkan analisis ini NRSB mampu untuk membayar liabiliti jangka pendek dengan menggunakan aset semasa.

b. Margin Untung Bersih

Margin untung bersih merupakan pendekatan yang lazim digunakan bagi mengukur peratus keuntungan yang diperolehi daripada setiap hasil yang dipungut daripada perniagaan utama sesebuah syarikat. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan hasil, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah (*value added*) terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Analisis Audit mendapati bagi tahun kewangan 2012 hingga 2014, NRSB telah menjana di antara 10.67% hingga 15.44% keuntungan daripada setiap ringgit hasil.

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah ini adalah bagi mengukur pulangan yang diperolehi oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperolehi bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Nisbah ini menunjukkan keupayaan pihak pengurusan syarikat menggunakan aset yang dimiliki untuk menjana pendapatan operasi di mana semakin tinggi nisbah menunjukkan semakin berupaya/cekap syarikat menjana pendapatan. Analisis Audit mendapati bagi tahun kewangan 2012 hingga 2014, kadar pulangan atas aset NRSB adalah di antara RM0.08 dan RM0.09 bagi setiap RM1.00 aset syarikat. Ini menunjukkan aset NRSB menjana keuntungan syarikat.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah ini adalah bagi mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kerana ia menggambarkan semakin cekap syarikat menguruskan modalnya untuk menghasilkan keuntungan/pulangan. Analisis Audit mendapati kadar pulangan yang diperoleh oleh pemegang saham NRSB adalah RM1.15 (2012), RM1.14 (2013) dan RM1.25 (2014).

Pada pendapat Audit, kedudukan kewangan NRSB berada dalam keadaan sangat baik dengan trend keuntungan terkumpul yang meningkat setiap tahun dan kedudukan nisbah kewangan yang baik bagi tempoh 2012 hingga 2014.

4.4.2. Pengurusan Aktiviti

4.4.2.1. Prestasi Jualan Batu Batan Dan Kerja-Kerja Kontrak/Pembinaan

Batu Aggregate dan Premix merupakan produk utama pengeluaran yang dijalankan oleh NRSB. Jualan batu-batan bagi tahun 2012 hingga 2014 menunjukkan terdapat peningkatan walaupun terpaksa bersaing dengan syarikat kuari yang lain di Negeri Sembilan. Pada tahun 2012, hasil jualan batu-batan NRSB menunjukkan prestasi yang baik iaitu sejumlah RM30.01 juta. Manakala pada tahun 2013, hasil jualan batu-batan telah menunjukkan prestasi menurun kepada RM26.64 juta. Walau bagaimanapun, hasil jualan pada tahun 2014 kembali menunjukkan peningkatan menjadi RM42.89 juta. Berikut adalah hasil pengeluaran dan jualan batu-batan bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 4.3**. Analisis Audit mendapati peningkatan penjualan batu batan pada tahun 2014 adalah disebabkan permintaan yang tinggi terhadap bahan batuan berikutan pembangunan yang pesat di sekitar Nilai dan Seremban.

Jadual 4.3
Pengeluaran Dan Jualan Batu-batan Tahun 2012 Hingga 2014

Bil.	Jenis Produk	2012		2013		2014	
		(Tan Metrik)	(RM Juta)	(Tan Metrik)	(RM Juta)	(Tan Metrik)	(RM Juta)
1	Aggregat	872,300	13.78	615,581	10.88	809,229	15.41
2	Premix	104,977	16.23	96,403	15.76	175,362	27.48
Jumlah		977,277	30.01	711,984	26.64	984,591	42.89

Sumber: NRSB

Pada pendapat Audit, NRSB telah berjaya meningkatkan penjualan bahan batuan dan menyumbang kepada pengukuhan pendapatan NRSB untuk tempoh 2012 hingga 2014.

4.4.2.2. Tapak Kuari Negeri Roadstone Sdn. Bhd.

a. Status Pajak Tapak Kuari Di Lot 3733 Dan 3734

- i. Sesuatu perniagaan hendaklah diuruskan seperti ianya akan terus beroperasi selama-lamanya atau sekurang-kurangnya ianya cukup lama untuk mencapai objektif penubuhannya (*Concept Going Concern*). Sumber bahan batuan di tapak kuari akan digunakan bagi menghasilkan produk utama NRSB iaitu *Granite Aggregate* dan *Asphalt Premix*. Tapak kuari ini diperoleh melalui sewa pajak dengan pihak PKNNS. Bekalan bahan batuan yang mencukupi akan memastikan NRSB untuk terus beroperasi dalam bidang perniagaan ini.
- ii. NRSB beroperasi di Kuari Batang Benar dalam kawasan lot 3733 dan 3734 yang disewa pajak dari PKNNS yang tamat pada 17 Julai 2015. Berdasarkan Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah NRSB kali ke-152 pada 13 Mei 2012 menyatakan tanah berkeluasan 75 ekar ini mempunyai rizab sumber batuan dianggarkan berjumlah 6 juta tan yang boleh diekstrak hingga tahun 2020. Pada ketika ini, operasi kuari telah menghampiri tahap maksimum pengeluaran berdasarkan keluasan tanah dan kapasiti bahan batuan yang tinggal di tapak tersebut.
- iii. Semakan Audit mendapati pihak NRSB telah menyedari kedudukan tanah di lot 3733 dan 3734 ini seawal tahun 2011 dan pihak syarikat dalam proses rundingan dengan pihak PKNNS untuk menyambung tempoh pajakan sehingga tahun 2020. Walau bagaimanapun masa yang diambil terlalu lama bagi menentukan status pajakan tanah ini antara pihak PKNNS dan NRSB sedangkan tempoh pajakan akan berakhir pada 17 Julai 2015. Sehingga tarikh pengauditan dijalankan pada 30 Jun 2015, status pajakan di 2 lot ini masih belum ditentukan. Kedudukan kuari adalah seperti **Gambar 4.3** dan **Gambar 4.4**.

Gambar 4.3
Pengeluaran Kuari Telah Sampai Ke Had Sempadan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 3733 dan 3734
Tarikh: 24 Februari 2015

Gambar 4.4
Pengeluaran Kuari Telah Sampai Ke Had Sempadan



Sumber: Negeri Roadstone Sdn. Bhd.
Lokasi: Lot 3733 dan 3734
Tarikh: 18 Februari 2015

- iv. Bagi tujuan melanjutkan perjanjian sewa pajak di lot tanah 3733 dan 3734, NRSB juga telah mengemukakan perancangan kepada Kerajaan Negeri bagi meningkatkan nilai hartanah di kawasan kuari selepas bahan batuan selesai diekstrak dengan mengemaskan kawasan ini untuk menjadikannya sebagai kawasan perumahan yang berpotensi tinggi. Gambaran perancangan NRSB adalah seperti **Gambar 4.5** dan **Gambar 4.6**.

Gambar 4.5
Tanah Kuari Yang Belum Dikemaskan
Sebagai Kawasan Perumahan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 3733 dan 3734
Tarikh: 26 Februari 2015

Gambar 4.6
Perancangan Tanah Kuari Dijadikan
Kawasan Perumahan



Sumber: Negeri Roadstone Sdn. Bhd.
Lokasi: Lot 3733 dan 3734
Tarikh: 18 Februari 2015

- v. **Maklum balas daripada NRSB bertariikh 3 Julai 2015, menyatakan draf Rancangan Strategik Korporat melepasi 2018 sedang dibangunkan dan dijangka siap serta akan dibentangkan pada mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah akan datang. Draf ini dirangka setelah mengambil kira kelulusan PKNNS untuk melanjutkan perjanjian sewa pajak tanah lot 3733 dan 3734 sehingga 5 Mei 2020.**

b. Tapak Kuari Di Lot 5915 Dalam Proses Lelongan Bank

- i. NRSB telah menandatangani perjanjian dengan pemilik tanah lot 5915 untuk mengeluarkan bahan batuan pada Ogos 2013. NRSB juga telah membayar deposit kepada pemilik tanah dengan nilai RM150,000 iaitu RM130,000 berupa bekalan bahan batuan dan RM20,000 tunai.
- ii. Semakan Audit mendapati pada November 2013 NRSB telah memulakan kerja-kerja pembersihan tanah di lot 5915 tersebut dan bahan batuan telah mula dikeluarkan pada Disember 2013 dengan anggaran pengeluaran sebanyak 3.00 juta tan dalam tempoh 3 tahun iaitu sehingga tahun 2016. Bagaimanapun pada Disember 2014, NRSB telah dimaklumkan tanah berkenaan akan dilelong oleh pihak bank akibat tunggakan bayaran balik pinjaman oleh pemilik tanah. NRSB telah menandatangani perjanjian penggunaan tanah Lot 5915 dengan pemilik

tanah tanpa membuat semakan status tanah berkenaan. Jika tanah tersebut dilelong, NRSB akan kehilangan sumber bahan batuan dari tanah berkenaan.

- iii. **Maklum balas daripada NRSB bertarikh 3 Julai 2015, menyatakan pelepasan tanah ini dalam proses ditarik balik. Tuan tanah sedang berusaha untuk mendapatkan pelepasan rasmi daripada pihak pelelong.**

Pada pendapat Audit, NRSB hendaklah menyelesaikan dengan segera penyambungan tempoh pajakan tapak kuari antara NRSB dengan PKNNS. NRSB juga hendaklah menentukan hala tuju syarikat sebagai pembekal bahan batuan selepas tahun 2020 iaitu selepas sumber batuan habis diekstrak dari tanah pajakan PKNNS. Ini kerana sumber batuan yang tinggal dianggarkan berjumlah 6.00 juta tan dan hanya boleh bertahan bagi tempoh 5 tahun sahaja lagi.

4.4.2.3. Pelupusan Loji Premix 250MTH Exxpo Jenis Drum Mix

- a. Pelupusan ialah satu proses untuk mengeluarkan aset daripada milikan, kawalan, simpanan dan rekod mengikut kaedah yang ditetapkan. Tujuan pelupusan adalah bagi memastikan syarikat tidak menyimpan aset yang tidak diperlukan, menjimatkan ruang, dan mendapatkan hasil pulangan yang terbaik. Ianya berdasarkan justifikasi tidak ekonomi dibaiki atau digunakan, usang, rosak, luput tempoh, tiada alat ganti dan aset tidak upaya berfungsi secara optimum.
- b. Pada 31 Disember 2012 NRSB telah membuat perolehan loji membancuh premix baru jenis ASP200 Batch Plant. Loji ini adalah bagi menggantikan loji membancuh premix sedia ada iaitu 250MTH Exxpo Jenis Drum Mix. Loji ini yang diperoleh pada tahun 1989 telah berumur 26 tahun dan melebihi jangka hayat. Loji ini juga telah di kategori sebagai usang disebabkan perubahan teknologi dan kos penyelenggaraan yang tinggi di samping tidak lagi mampu menghasilkan produk berkualiti pada harga kompetitif. Lembaga Pengarah telah meluluskan pelupusan Loji Premix 250MTH Exxpo ini secara bidaan di dalam mesyuarat Lembaga Pengarah kali ke 155 pada 19 Februari 2013. Keadaan kedua-dua loji ini seperti di **Gambar 4.7** dan **Gambar 4.8**.

Gambar 4.7
Loji Premix Baru Jenis ASP200 Batch Plant



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuaru NRSB
Tarikh: 26 Januari 2015

Gambar 4.8
Loji Premix Lama 250MTH Exppo Jenis Drum Mix



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuaru NRSB
Tarikh: 17 Februari 2015

- c. Pemeriksaan Audit mendapati loji premix 250MTH Exppo Jenis Drum Mix ini masih tidak dilupuskan sehingga hari pengauditan dijalankan walaupun terdapat pihak yang berminat. Proses jualan secara bidaan tidak berjaya kerana gagal mendapat persetujuan harga yang ditetapkan kerana syarikat yang berminat telah menawarkan harga yang lebih rendah daripada harga dasar RM350,000 yang telah ditetapkan oleh NRSB. Harga dasar ini ditetapkan berdasarkan penilaian yang dibuat oleh sebuah syarikat iaitu ASP Machinerics Sdn. Bhd.. Pihak Audit dimaklumkan NRSB bercadang untuk mendapatkan khidmat Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta bagi menentukan harga pasaran loji berkenaan bagi tujuan proses pelupusan loji ini.
- d. **Maklum balas daripada NRSB bertarikh 3 Julai 2015, memaklumkan tindakan telah diambil dengan menghantar surat permohonan Penilaian Aset Syarikat kepada Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta melalui PKNNS dan masih menunggu laporan dari Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta.**

Pada pendapat Audit, NRSB perlu menjalankan proses pelupusan segera bagi mengelakkan nilai loji tersebut jatuh akibat lusuh dan perubahan teknologi. Di samping itu kawasan loji tersebut boleh digunakan bagi tujuan aktiviti syarikat yang lain.

4.4.3. Tadbir Urus Korporat

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah memperkenalkan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (2007) yang menekankan elemen penting seperti pematuhan undang-undang dan peraturan, struktur organisasi, keanggotaan, peranan dan tanggungjawab lembaga pengarah kepada pemegang saham, penetapan dan pendedahan ganjaran yang diterima oleh lembaga pengarah, polisi dan prosedur, penubuhan jawatankuasa lain dan peranan Jawatankuasa Audit terhadap akauntabiliti syarikat. Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Ia merangkumi dasar,

undang-undang dan peraturan, sistem dan prosedur, kawalan pengurusan syarikat dan pengurusan risiko. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat NRSB mendapati perkara seperti berikut:

4.4.3.1. Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah merupakan badan eksekutif tertinggi yang diberi kuasa untuk melaksanakan kuasa dan tugas yang diperuntukkan di dalam Memorandum dan Artikel Penubuhan NRSB dan Akta Syarikat 1965. Seksyen 122 Akta Syarikat 1965 menetapkan keahlian pengarah sesebuah syarikat pada sesuatu masa hendaklah tidak kurang daripada dua orang untuk mengurus operasi hariannya. Surat pelantikan antaranya tercatat jenis manfaat ataupun faedah yang layak diterima, hendaklah dikeluarkan kepada Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik. Semakan Audit mendapati NRSB diterajui oleh 5 orang Ahli Lembaga Pengarah dan dipengerusikan oleh wakil dari PKNNS yang merupakan pemegang saham terbesar. NRSB telah mengadakan Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Mesyuarat Agong Tahunan Syarikat setiap tahun seperti mana kehendak Seksyen 143, Akta Syarikat 1965.

4.4.3.2. Unit Audit Dalam Dan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

Mengikut amalan terbaik, Jawatankuasa Audit hendaklah ditubuhkan dengan keahlian daripada pengarah bukan eksekutif. Antara fungsi utama Jawatankuasa Audit adalah menilai penemuan hasil pemeriksaan dalaman dan maklum balas oleh pihak pengurusan; menilai pelantikan juruaudit luar dan bayaran audit; berbincang dengan juruaudit luar sebelum pengauditan bermula; serta membuat penilaian terhadap penyata kewangan yang disediakan secara suku tahun dan tahunan. Semakan Audit mendapati NRSB baru menubuhkan Unit Audit Dalam (UAD) iaitu pada Januari 2015 dan mesyuarat pertama berkenaan Audit Dalam dan Jawatankuasa Audit telah dijalankan.

4.4.3.3. Rancangan Korporat

Mengikut amalan terbaik, syarikat perlu menyediakan atau mengemas kini strategi dan rancangan korporat sebagai wawasan syarikat mencapai matlamat jangka pendek dan jangka panjang. Rancangan korporat yang disediakan hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat dan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan. Rancangan korporat perlu disediakan bagi merangka strategi pelaksanaannya untuk membentuk objektif dan matlamat yang realistik selaras dengan misi dan keupayaan organisasi. Rancangan korporat juga dapat membantu syarikat memastikan penggunaan sumber yang lebih efektif dan hubungan yang baik antara kakitangan dengan pihak pengurusan. Semakan Audit mendapati NRSB ada menyediakan rancangan korporat jangka pendek bagi tempoh tahun 2014 hingga tahun 2018. Walau bagaimanapun tiada rancangan jangka panjang disediakan. **Maklum balas daripada NRSB bertarikh 3 Julai 2015,**

menyatakan Rancangan Strategik Korporat jangka panjang sedang dibangunkan dan dijangka siap serta akan dibentangkan pada mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah akan datang.

4.4.3.4. Standard Operating Procedures

Standard Operating Procedures (SOP) merupakan suatu arahan/peraturan bertulis yang disediakan oleh sesebuah organisasi bertujuan untuk memastikan semua aktiviti/proses/prosedur kerja yang ditetapkan dapat dilaksanakan dengan cekap dan teratur. Semakan Audit mendapati NRSB ada menyediakan SOP pengurusan kewangan semasa mengurus dan mengawal urusan kewangan.

4.4.3.5. Key Performance Indicator (KPI)

Buku Biru – *Intensifying Performance Management* menyatakan syarikat Kerajaan perlu menyediakan KPI selaras dengan strategi syarikat. Pencapaian terhadap KPI hendaklah dilaporkan setiap 6 bulan sekali. Semakan Audit mendapati NRSB ada menyediakan KPI yang dibentangkan bersama bajet tahunan untuk menilai prestasi setiap jabatan.

4.4.3.6. Pembayaran Dividen

Mengikut amalan terbaik, bayaran dividen sekurang-kurangnya 10% daripada pendapatan bersih setiap tahun perlu dibuat kepada Kerajaan selaku pemegang saham. Cadangan bayaran dividen hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri setelah diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat. Syarikat yang mempunyai keuntungan tetapi tidak bercadang untuk membayar dividen hendaklah memberikan sebab-sebab mengapa dividen tidak dapat dibayar. Semakan Audit mendapati NRSB telah membuat pembayaran dividen kepada pemegang sahamnya 10% (RM300,000) dari pendapatan bersih bagi tahun kewangan 2011, 12% (RM360,000) bagi tahun kewangan 2012 dan sebanyak 18% (RM720,000) bagi tahun 2013. Ianya sejajar dengan peningkatan keuntungan NRSB.

4.4.3.7. Pembayaran Bonus Dan Sagu Hati

Berdasarkan amalan terbaik juga, cadangan bayaran bonus perlu dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri tidak lebih daripada satu bulan selepas akaun tahunan ditutup dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat. Semakan Audit mendapati pembayaran bonus telah dilakukan bagi tahun 2012 (RM270,934), 2013 (RM233,699) dan 2014 (RM313,909). Keputusan pemberian bonus telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah dan dikemukakan untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

4.4.3.8. Corporate Integrity Pledge

Corporate Integrity Pledge merupakan inisiatif di bawah NKRA Anti-Rasuah sebagai langkah pencegahan rasuah. *Corporate Integrity Pledge* merupakan sijil ikrar yang ditandatangani oleh pihak syarikat untuk tidak terlibat dalam sebarang aktiviti rasuah. Tinjauan Audit di laman web *Corporate Integrity System Malaysia* pada 24 Jun 2015 mendapati NRSB telah menandatangani *Corporate Integrity Pledge* secara bersama dengan PKNNS selaku pemegang saham terbesar NRSB.

4.4.3.9. Kelemahan Dalam Pengurusan Aset

NRSB mempunyai SOP yang disediakan bagi mengurus dan mengawal urusan kewangan syarikat. Secara keseluruhannya NRSB telah mematuhi SOP yang disediakan dengan baik. Bagaimanapun terdapat kelemahan dalam pengurusan aset seperti aset tidak direkodkan, aset tidak dilabelkan, dan aset berbeza telah digabungkan dalam satu daftar.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya tadbir urus korporat NRSB adalah baik. Bagaimanapun kelemahan dalam pengurusan aset perlulah ditambahbaik.

4.5. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan dan menambahbaik prestasi pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan, adalah disyorkan syarikat Negeri Roadstone Sdn. Bhd. (NRSB) mengambil tindakan seperti berikut:

4.5.1. Memastikan tuan punya tapak kuari di Lot 5915 yang dalam proses lelongan bank dapat menyelesaikan masalah dengan bank supaya NRSB tidak kerugian atau kehilangan sumber bahan batuan dari kuari berkenaan.

4.5.2. Memastikan proses pelupusan aset dipercepatkan bagi loji premix yang tidak digunakan.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Jabatan/Agensi Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjejaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembedahan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

13 Oktober 2015



www.audit.gov.my

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2, 62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA